

## BAB PERTAMA

### ***MANHAJ DAKWAH***

#### **1.1 PENGENALAN**

Nabi Muḥammad (s.a.w.) telah membawa dakwah Islamiah kepada manusia dengan *manhaj* yang sangat tersusun yang dipimpin oleh wahyu Allah (s.w.t.). Baginda (s.a.w.) menyampaikan dakwah ini dengan *uslūb* yang bijaksana dan realistik serta *uslūb* yang menggariskan ‘*amal islāhiy* (pembaikan) untuk masa depan manusia yang cemerlang yang mana semuanya adalah kaedah-kaedah amal yang membina. Baginda (s.a.w.) tidak membawa dan menyampaikan dakwah Islamiah tanpa perancangan atau strategi dengan hanya bergantung harap semata-mata kepada sifat ‘*iṣmāh* (maksum) baginda dan dukungan Allah (s.w.t.).<sup>1</sup> Malah, kedua-dua unsur ini; sifat ‘*iṣmāh* (maksum) baginda, dukungan Allah (s.w.t.) dan penggunaan *manhaj* yang berkesan menjadi pemangkin kepada kejayaan dakwah baginda (s.a.w.). Justeru, mengkaji *manhaj* dakwah Islamiah adalah antara perkara yang sangat penting bagi setiap pendakwah yang ingin membawa risalah dakwah ini agar dakwah yang ingin disebarluaskan menepati kaedah-kaedah sebagaimana yang pernah digariskan oleh Rasulullah (s.a.w.). Dakwah kontemporari kini memerlukan kajian berterusan terhadap *manhaj* dakwah, untuk menilai kesesuaian

---

<sup>1</sup> Syalabiy, Ra'ūf (Dr) (1394H/1974M), *al-Da'wah al-Islāmiyyah fī 'Ahdihā al-Makkīyah: Manāhijuhā wa Ghāyātuhā*, Kaherah: Majma' al-Buḥūth al-Islāmiyyah, h. 44.

*manhaj* dakwah yang sedang digunakan sekarang dan mengatur strategi baru dalam menghadapi cabaran-cabaran dakwah yang lebih hebat pada zaman ini. Bab satu ini akan mengutarakan pengertian *manhaj* dakwah secara umum, kemudian diutarakan pula perbincangan tentang beberapa asas-asas utama *manhaj* dakwah sebagai landasan atau kerangka teori kajian ini. Diharapkan agar kefahaman tentang pengertian *manhaj* dakwah dan asas-asas *manhaj* dakwah akan membantu kajian mengenai *manhaj* dakwah seseorang tokoh dakwah atau organisasi dakwah tertentu secara umum dan mengenai *manhaj* al-Syaykh Ibn ‘Aṭā’ Allah al-Sakandari secara khusus yang menjadi fokus kajian ini.

## 1.2 PENGERTIAN MANHAJ DAKWAH

### 1.2.1 Pengertian *Manhaj*

*Manhaj* atau *minhāj* adalah perkataan Arab yang mana kebanyakan kamus dan ensiklopedia Arab memberikan erti sebagai *al-tarīq al-wādīh* iaitu jalan yang jelas<sup>2</sup>. Ia berdasarkan firman Allah (s.w.t.):

﴿48﴾ ... لِكُلِّ جَعْلَنَا مِنْكُمْ شِرْعَةٌ وَمِنْهَاجٌ ...

Surah *al-Mā'ida* (6): 48.

Maksudnya:

*Kami telah jadikan untuk setiap umat di kalangan kamu aturan dan jalan yang jelas.*

Terjemahan surah *al-Mā'ida* (6): 48.

---

<sup>2</sup> Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn Mukarram al-Ifriqiy al-Miṣriy al-Anṣāriy al-Khaṣrajiy, (t.th.), *Lisān al-'Arab*, Kaherah: al-Mu'assasah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li-al-Ta'lif wa al-Anbā' wa al-Nasyr, j. 3, h. 206; al-Fayrūzābādiy, Majd al-Dīn Muḥammad ibn Ya'qūb (1415/1995), *al-Qāmūs al-Muhiṭ*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 190; al-Zāwiyy, Tahir Aḥmad, *Tartīb al-Qāmūs al-Muhiṭ* (1959), Kaherah: Maṭba'ah al-Risālah, j. 4, h. 402; al-Rāziyy, Muḥammad ibn Abi Bakr ibn 'Abd al-Qādir (1392/1972), *Mukhtār al-Šihāh*, Beirut: Dār al-Fikr / Dār al-Qur'ān, h. 681 dan Nadim Mar'asyiy dan Usāmah Mar'asyiy, *al-Šihāh fi al-Lughah*, Beirut: Dār al-Haḍārah al-'Arabiyyah, h. 614.

*Minhāj* dalam ayat tersebut bererti *al-ṭariq al-mustamir* yang bererti jalan yang terbentang atau berterusan, atau *sabīlan* yang juga bererti jalan.<sup>3</sup> Ada juga yang mengertikannya sebagai *tariqan wādiḥān* iaitu jalan yang jelas dan lurus dalam agama yang dilalui oleh penganutnya.<sup>4</sup>

Sementara dalam *hadīth* Nabi (s.a.w.), terdapat juga pecahan kata *manhaj* ini digunakan, iaitu pecahan kata *ism fā’il* yang boleh membantu kita memahami makna *manhaj*. *Hadīth* tersebut ialah *hadīth* riwayat al-‘Abbās (r.a.), beliau berkata:

لَمْ يَعْتَدْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَرْكِكَمْ عَلَى طَرِيقٍ نَاهِجَةً (أَيْ وَاضِحةً)

Maksudnya:

*Rasulullah* (s.a.w.) tidak wafat melainkan sesudah baginda meninggalkan kamu berada di atas jalan yang jelas.<sup>5</sup>

*Manhaj* didefinisikan oleh Mar‘asyliy sebagai tahap-tahap atau peringkat-peringkat secara teratur yang dilakukan oleh pengkaji untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau banyak masalah di mana dia mengikutinya satu persatu untuk mencapai keputusan.<sup>6</sup>

*Manhaj* dalam bahasa Arab diberikan pengertiannya dalam bahasa Inggeris sebagai “*a manifest, plainly apparent, road or way*”.<sup>7</sup> *Al-Mawrid A Modern Arabic-English Dictionary* pula mengertikan *manhaj* sebagai *method*.<sup>8</sup>

---

<sup>3</sup> Al-Qurtubiy, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Aḥmad al-Anṣāriy (1387H/1967M), *al-Jāmi’ li-Ahkām al-Qur’ān*, Kaherah: Wizārat al-Thaqāfah, j. 6, h. 211.

<sup>4</sup> Al-Mahalliy, Jalāl al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad & al-Šuyūtiy, ‘Abd al-Rahmān ibn Abi Bakr (t.th.), *Tafsīr al-Jalālayn*, Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, h. 95.

<sup>5</sup> Hadith ini disebutkan oleh Ibn Manzūr (630-711H) dalam kitabnya *Lisān al-‘Arab*, namun setakat ini gagal ditemui dalam mana-mana kitab hadith yang masyhur.

<sup>6</sup> Nadīm Mar‘asyliy dan Usāmah Mar‘asyliy, *op. cit.*

<sup>7</sup> E.W. Lane (1877), *Arabic-English Lexicon*, England: The Islamic Texts Society, Cambridge, volume 2, h. 2856.

<sup>8</sup> Dr. Rūpī al-Ba’labakiy (1995), *al-Mawrid - A Modern Arabic-English Dictionary*, Beirut: Dār al-Malāyīn, h. 1193.

Manakala *method* diertikan pula dalam bahasa Arab sebagai *tarīqah*, *minhāj* dan *uslūb*.<sup>9</sup>

Justeru, untuk memahami makna perkataan *method* kita perlu meninjau kamus-kamus Inggeris. *Oxford Dictionary* memberikan erti perkataan *method* sebagai cara, prosedur, langkah, lorong, jalan, alat, perantaraan, teknik, proses, rutin, rancangan, skema, kursus, amalan, corak dan sistem, susunan sistem, struktur, organisasi, rekabentuk, corak, tersusun, kekemasan, kebiasaan dan disiplin.<sup>10</sup>

*Kamus Dewan* pula menyatakan metode sebagai metodologi iaitu satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan.<sup>11</sup>

Sebagai kesimpulan, *manhaj* dalam bahasa Arab membawa maksud jalan yang jelas dan terang ke arah melakukan sesuatu kerja, metode pelaksanaan sesuatu kerja, cara atau kaedah melakukan sesuatu secara sistematik, atau tahap-tahap pelaksanaan sesuatu kajian. Manakala untuk perkataan metode, pengertian yang diberikan oleh *Oxford Dictionary* adalah cukup jelas dan terang dan ia boleh diterima pakai dalam konteks kajian ini.

---

<sup>9</sup> Munir al-Ba'labakiy (1995), *al-Mawrid A Modern English-Arabic Dictionary*, Beirut: Där al-Malāyin, h. 575; N.S. Doniach (1972), *The Oxford English-Arabic Dictionary Of Current Usage*, UK: Oxford University Press, h. 768; Hasan S. Karmi (1970), *Al-Manar An English-Arabic Dictionary*, Beirut: Longman Libraire du Liban, h. 403 dan Mohammad Badran & I. Zaki Khorshid (t.th.), *Al-Nahda Dictionary English-Arabic*, Kaherah: The Renaissance Bookshop, h. 1307.

<sup>10</sup> (1996), *Oxford Dictionary*, UK: Oxford University Press, di bawah kata dasar *method*.

<sup>11</sup> Dr. Teuku Iskandar (1997), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 887.

### 1.2.2 *Manhaj Dakwah*

*Manhaj* Dakwah adalah suatu istilah yang terdiri daripada dua perkataan; *manhaj* dan dakwah. Pada peringkat awal ini, daripada penelitian terhadap pengertian *manhaj* dalam bahasa Arab dan *method* dalam bahasa Inggeris, bolehlah diertikan *manhaj* dakwah sebagai metode dakwah, kaedah-kaedah dakwah, *kayfiyyāt al-da'wah* atau cara-cara berdakwah. Tetapi apakah *manhaj*, metode, kaedah, *kayfiyyāt* atau cara-cara berdakwah tersebut? Kajian terhadap beberapa tokoh dakwah tidak menampakkan adanya satu keseragaman antara mereka dalam menentukan apakah pengertian *manhaj*, metode, kaedah, *kayfiyyāt* atau cara-cara berdakwah tersebut.

Prof. Dr. Ra'ūf Syalabiy ketika membahaskan *manhaj* dakwah Islam pada period Mekah, menggariskan dua *manhaj* utama iaitu *manhaj ithbāt waḥdāniyyat Allāh Ta'ālā* dan *manhaj al-'amal ma'a al-jama'ah*.<sup>12</sup> Dengan ini jelas kelihatan Prof. Dr. Raūf Syalabiy menggariskan dua *manhaj* dakwah yang amat umum dan menyeluruh di mana di bawah dua *manhaj* itu terdapat pula *manhaj* pecahan yang lebih kecil seperti dalil-dalil tauhid, *waḥdāniyyat al-ṣifāt*, *waḥdāniyyat al-tadbīr*, mengenal pasti tabiat masyarakat, tarbiah kepimpinan, mewujudkan generasi teras dakwah dan lain-lain.<sup>13</sup> Perbincangan beliau selanjutnya menyentuh soal marhalah dakwah dan *ma'ālim al-da'wah*, yang secara khususnya bukanlah merupakan *manhaj* dakwah.<sup>14</sup>

---

<sup>12</sup> Syalabiy, *op.cit.* h. 38 & 171.

<sup>13</sup> *Ibid*, h. 107, 119, 128, 190, 198 & 232.

<sup>14</sup> *Ibid*, h. 277 & 358.

Manakala Syaykh ‘Aliy al-Tanṭawiy seorang penganalisis dakwah terkemuka menyimpulkan bahawa *turuq* dakwah yang diertikan sebagai *manhaj* dakwah itu ada enam iaitu:

1. *Tariq* dakwah dengan cara *iṣlāh* (memperbaiki) raja atau pemerintah.
2. *Tariq da’wah sya’biyyah* (cara dakwah berdasarkan rakyat jelata) yang dinaungi oleh pemerintah yang mendukungnya dengan kuasa yang ada padanya dan mempertahankannya dengan kekuatan persenjataan.
3. *Tariq da’wah sya’biyyah* (cara dakwah berdasarkan rakyat jelata) yang dinaungi oleh revolusi bersenjata.
4. *Tariq* dakwah dengan cara penyebaran pemikiran dan pembentangan hakikat-hakikat kepada manusia,
5. *Tariq* dakwah melalui pendidikan, pembacaan dan penulisan buku-buku ilmiah, dan
6. *Tariq* dakwah menerusi akhbar, majalah-majalah, makalah-makalah dan kajian-kajian penyelidikan.<sup>15</sup>

Fathī Yakan pula menulis tentang *kayfa* atau *kayfiyyāt al-da’wah* dengan menggariskan beberapa cara, seperti *ta’arruf* (berkenalan) dengan *mad’ū* (sasaran) sebelum berdakwah, seni berbicara dengan sasaran dan hubungan peribadi secara langsung (*da’wah fardiyah*).<sup>16</sup>

Jika ditinjau pandangan sarjana-sarjana dakwah di Malaysia, kita juga mendapati bahawa terdapat perbezaan pendapat dalam menentukan *manhaj* dakwah ini. Prof. Madya Dr. Wan Hussein Azmi menyimpulkan metode dakwah

<sup>15</sup> Syaykh ‘Ali al-Tanṭawiy (1380H/1960M), *Fuṣūl Islāmiyyah*, Damsyik: Dār al-Da’wah, h. 17-20.

<sup>16</sup> Fathī Yakan (1970), *Kayfa Nad’ū ilā Allāh*, Beirut: Dār al-Ḥadīth, h. 21-37.

itu ada tiga unsur iaitu *al-hikmah*, *al-maw'iżah al-ḥasanah* dan *al-mujādalah bi al-ḥusnā*.<sup>17</sup> Manakala Prof. Dr. Ab. Aziz Mohd Zin telah memperluaskan perbicaraannya tentang metodologi dakwah dengan melihat metodologi dakwah dari sudut-sudut tertentu seperti metodologi berhubung dengan isi kandungan, metodologi pada gaya persembahan isi, metodologi berkait dengan saluran dan media, metodologi melalui pendekatan psikologi dan lain-lain.<sup>18</sup> Pemahaman beliau terhadap metodologi dakwah adalah amat luas dan anjal, menyebabkan dakwah kelihatan mampu untuk menyesuaikan dirinya dalam setiap masa dan situasi, sesuai dengan sifatnya sebagai dakwah untuk seluruh alam.

Sebagai kesimpulan, *manhaj* dakwah ialah jalan dakwah, kaedah-kaedah berdakwah atau dalam bahasa Arabnya *kayfiyyāt al-da'wah* (cara-cara berdakwah), sukatan-sukatan isi kandungan dakwah berdasarkan peringkat atau tahap, teknik-teknik menyampaikan dakwah, tahap-tahap yang dilalui untuk mencapai matlamat dakwah, atau metodologi dakwah.

### 1.2.3 *Uslūb* Dakwah

*Uslūb* adalah lafaz yang berasal daripada bahasa Arab yang membawa beberapa pengertian. Dalam bahasa Arab, *uslūb* dertiakan oleh Ibn Manzūr (630-711H) sebagai *ṭariq mumtadd* iaitu jalan yang terbentang, juga bererti *al-ṭariq* (jalan), *al-wajh* (bentuk) dan *al-madhab* (aliran). Ia juga membawa erti *al-fann* iaitu seni atau kemahiran.<sup>19</sup> Menurut al-Fayrūzabādiy (w817H), *uslūb* ialah *ṭariq*<sup>20</sup> iaitu

<sup>17</sup> Wan Hussein Azmi (Prof. Madya Dr.) (1984), *Ilmu Dakwah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 32-37.

<sup>18</sup> Lihat Ab. Aziz Mohd Zin (Prof. Dr.) (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 83-214.

<sup>19</sup> Ibn Manzūr, *op.cit.* j. 1, h. 456.

<sup>20</sup> Al-Fayrūz'abādiy, *op. cit.* h. 91.

jalan. Sementara itu, *Mukhtār al-Šīḥāḥ* mengertikan *uslūb* sebagai *al-fann*<sup>21</sup> iaitu seni, cara atau kemahiran.

Menurut *Kamus Dewan*, *uslūb* bererti kaedah atau cara.<sup>22</sup> Ketika mendefinisikan perkataan metode, *Kamus Dewan* juga mengertikannya sebagai cara melakukan sesuatu.<sup>23</sup> Ini menggambarkan bahawa panel penyusun *Kamus Dewan* cenderung untuk melihat *uslūb* dan metode sebagai dua perkataan yang mempunyai makna yang hampir sama.

Setelah diteliti makna *uslūb* yang diertikan sebagai jalan, cara dan kaedah, secara mudahnya gabungan dua perkataan ini boleh diertikan sebagai jalan, cara atau kaedah dakwah. Dengan ini, sudah tentu ia tidak jauh berbeza dari istilah *manhaj* dakwah yang juga membawa maksud yang hampir sama. Untuk memahami pengertian *uslūb* dakwah perlu dibentangkan beberapa pandangan tokoh-tokoh dakwah berhubung pengertian *uslūb* dakwah ini. Kita dapat terlalu banyak simpang siur pandangan mereka berhubung hal ini, hingga mungkin boleh disifatkan sebagai ‘agak berkecamuk’ sekaligus mengiyakan pendapat sebilangan tokoh dakwah bahawa ilmu dakwah belum mencécah tahap kematangan berbanding disiplin ilmu Islam yang lain.<sup>24</sup>

Prof. Dr. ‘Abd al-Karīm Zaydān ketika berbicara tentang kepentingan *uslūb* dakwah menyenaraikan beberapa perkara sebagai contoh *uslūb* dakwah, antaranya ialah mengenal pasti penyakit dan penawarnya, menghapuskan syubhat-syubhat, *al-targhib wa al-tarhib* dan tarbiah dan pendidikan. Walaupun beliau

---

<sup>21</sup> Al-Rāziy, *op. cit.* h. 308.

<sup>22</sup> *Kamus Dewan*, *op. cit.* h. 1448.

<sup>23</sup> *Ibid*, h. 887.

<sup>24</sup> Sebagai contoh, lihat Kamāl Muṣṭafā Muḥammad (Dr.) (t.th.), *Khāṣṣā’is al-Da’wah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Dār al-Sunnah al-Muḥammadiyyah li-al-Ṭibā’ah, h. 18.

tidak cuba untuk menerangkan apakah pengertian *uslūb* dakwah, namun dari contoh-contoh yang dikemukakan, jelas menunjukkan kecenderungannya untuk menjadikan perkara-perkara tersebut sebagai *uslūb* dakwah dan mengenepikan kedudukan *al-hikmah*, *al-maw'izah al-hasannah* dan *al-mujādalah bi al-husnā* sebagai *uslūb* dakwah, seolah-olahnya tiga prinsip besar ini secara *silent* dianggap sebagai *manhaj* dakwah, bukan *uslūb* dakwah. Ini memberi sedikit ruang kepada pengkaji ilmu dakwah untuk melihat *uslūb* dakwah dan *manhaj* dakwah sebagai dua unsur yang berbeza.

Al-Ustādh Muṣṭafā Masyhūr (1921-2002M) ketika menghuraikan tajuk kecil *Hawl Uslūb al-Da'wah*, pecahan tajuk besar *Tariq al-Da'wah*, telah menjadikan ayat 125 surah *al-Nahl*, sebagai pengukuh kepada huraiannya berkenaan *uslūb* dakwah. Ayat tersebut ialah:

اذْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمُوعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادَلْهُمْ بِالَّتِي  
هِيَ أَخْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُهَتَّدِينَ ॥ (125)

Surah *al-Nahl* (16): 125.

Maksudnya:

*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan al-hikmah, al-maw'izah al-hasannah (pengajaran yang baik) dan berbahaslah dengan mereka (orang yang engku serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah juga yang lebih mengetahui tentang orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*

Terjemahan surah *al-Nahl* (16): 125.

Beliau menegaskan perlunya *al-haqq* itu dinyatakan secara terus terang tanpa bermuka-muka, tetapi dengan *uslūb* yang baik. Beliau juga menekankan kepentingan *dā'i* mengenali isi hati dan emosi *mad'u* yang diseru, kunci-kunci pembuka hati, penggunaan kata-kata yang baik, sesuai dan mengetahui masa-

masa yang sesuai untuk berbicara dengan manusia. Beliau seterusnya menekankan soal penyediaan isi kandungan yang tepat, menggunakan gaya bahasa yang mampu menerjah akal dan perasaan sekaligus.<sup>25</sup> Namun, penelitian terhadap tulisan al-Ustādh Muṣṭafā Masyhūr ini tidak banyak membantu ke arah pemantapan pengertian *uslūb* dakwah ini, kerana apa yang beliau kemukakan ialah contoh-contoh sahaja.

Sementara al-Syaykh ‘Aliy al-Tanṭawiy pula setelah selesai berbicara tentang enam *turuq* dakwah yang dinyatakan sebelum ini, beliau seterusnya menyenaraikan pula beberapa *uslūb* dakwah seperti *da’wah fardiyah*, *marhalah al-ijtimā’at* (marhalah perkumpulan), ceramah-ceramah yang bersistematik dan kuliah-kuliah pengajian yang diadakan secara konsisten.<sup>26</sup> Dengan ini, jelas bahawa *uslūb* dakwah pada pandangan al-Syaykh ‘Aliy al-Tanṭawiy ialah beberapa pendekatan dakwah, namun dua contoh terakhir yang beliau berikan hampir menyamai contoh-contoh yang beliau gariskan untuk *turuq* dakwah, sekaligus menampakkan ketidakmampuan ilmu dakwah menangani isu *uslūb* dakwah dan *manhaj* dakwah ini.

Faṭḥī Yakan pula cuba menjadikan *al-uslūb al-ḥasan* dan kesederhanaan antara keras dan lembut sebagai contoh *uslūb* dakwah.<sup>27</sup> Contoh-contoh yang diberikan oleh beliau tidak banyak membantu kita untuk memahami pengertian *uslūb* dakwah kerana ia terlalu umum.

---

<sup>25</sup> Muṣṭafā Masyhūr, *Tarīq al-Da’wah*, dalam (*Min Fiqh al-Da’wah*) (t.th.), Kaherah: Dār al-Tawzī’ wa al-Nasyr al-Islāmiyyah, j. 1, h. 116.

<sup>26</sup> Al-Tanṭawiy, *op. cit.*, h. 21.

<sup>27</sup> Faṭḥī Yakan (1980), *Musykilāt al-Da’wah wa al-Dā’iyah*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h. 127.

Sementara Dr. Muḥammad al-Sayyid al-Wakīl pula telah pergi lebih jauh dalam menghuraikan pengertian *uslūb* dakwah di mana beliau menyatakan bahawa dalam menyebarluaskan dakwah, para pendakwah wajib menggunakan setiap *uslūb* yang boleh menyampaikannya (dakwah itu) kepada hati manusia dan mereka mesti bergantung kepada *uslūb-uslūb* moden seperti alat-alat penyiaran, buku dan penyelidikan.<sup>28</sup> Dengan contoh-contoh yang beliau kemukakan, jelas menunjukkan bahawa *uslūb* dakwah pada pandangan beliau menyamai istilah *wasīlah* dakwah (*wasā'il al-da'wah*). Pandangan Dr. Siti Rugayah Hj. Tibek juga hampir menyerupai kecenderungan Dr. Muḥammad al-Sayyid al-Wakīl ketika beliau memberikan drama sebagai contoh *uslūb* dakwah,<sup>29</sup> sedangkan beberapa tokoh dakwah yang lain lebih cenderung menjadikan perkara seumpama itu sebagai contoh *wasīlah* seperti al-Imām al-Syahīd Ḥasan al-Bannā (1906-1949M), Muṣṭafā Masyhūr (1921-2002M) dan Dr. ‘Aliy ‘Abdul Ḥalīm.

Di kalangan sarjana dakwah di Malaysia, kelihatan ada kecenderungan untuk melihat metodologi dakwah sebagai suatu istilah yang mempunyai pengertian yang hampir sama dengan *uslūb* dakwah. Sebagai contoh, tokoh akademik Prof. Dr. Abd. Aziz Mohd Zin merumuskan *uslūb* dakwah, *manhaj* dakwah, pendekatan dakwah, *approach* dakwah, cara dakwah, kaedah dakwah dan metodologi dakwah termasuk ke dalam kumpulan yang sama dari sudut pengertiannya.<sup>30</sup> Di antaranya lagi ialah tulisan Abd. Kodir bin Sallah yang terang-

---

<sup>28</sup> Al-Wakīl, Muḥammad al-Sayyid (Dr.) (1412/1991), *Usus al-Da'wah wa Ādāb al-Du'āh*, Mesir: Dār al-Wafā', h. 21-24.

<sup>29</sup> Siti Rugayah Hj. Tibek (Dr.) (1999), *Peranan Drama Dalam Dakwah: Kajian Drama Dakwah TV1 Dan TV3*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (Disertasi Ph. D), h. 56.

<sup>30</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, *ibid*, h. 1-3.

terangan menyamakan antara istilah metodologi dan *uslūb* dakwah. Beliau menyatakan bahawa “Metodologi atau *uslūb al-da'awāt* ialah cara penyampaian dakwah Islamiah kepada sasarannya”.<sup>31</sup> Siti Rugayah Hj. Tibek juga menampakkan kecenderungan yang hampir sama di mana beliau menyatakan “Oleh itu *uslūb* boleh dimaksudkan sebagai metode”<sup>32</sup> iaitu metode dakwah.

Namun, penulis lebih cenderung untuk melihat *uslūb* dakwah dan *manhaj* dakwah sebagai dua istilah yang mempunyai *madlūl* (pengertian) yang berbeza, sekalipun terjemahan kedua-duanya kelihatan hampir serupa. Persamaan makna dari segi bahasa tidak menghalang perbezaan makna atau pengertian dari segi istilah, kerana pengertian istilah adalah sesuatu pengertian yang digarapkan berdasarkan realiti dan penggunaan, seperti makna solat dan doa, mempunyai makna yang sama dari segi bahasa, namun setelah kedatangan Islam, istilah solat telah berubah menjadi sembahyang berdasarkan realiti dan kondisi solat itu yang merupakan suatu upacara ibadah perbuatan dan perkataan yang bermula dengan takbir dan berakhir dengan salam.

Walaupun secara *ṣariḥ* sukar untuk kita membuktikan perbezaan antara dua istilah ini, namun dari segi *dhawq* dan pengamalan, kita seakan boleh membezakan antara dua istilah tersebut.

Antara ahli akademik yang mempertahankan pendapat ini dengan kuat ialah Dr. Ibrahim Che Noh. Beliau melihat *manhaj* sebagai sesuatu yang lebih merujuk kepada sukatan perancangan dakwah dan program yang berperingkat-

---

<sup>31</sup> Abd. Kodir Sallah (1977), *Dakwah di Kalangan Kakitangan Kerajaan di Kuala Lumpur: Kajian Khusus Tentang Penglibatan Dan Keberkesanannya*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (Disertasi Sarjana Usuluddin), h. 33.

<sup>32</sup> Siti Rugayah Hj. Tibek, *op.cit.* h. 54-55.

peringkat. Manakala *uslūb* pula lebih mengambil berat kepada kebijaksanaan, kemahiran melaksanakan penerangan, dalam setiap penerangan dan penyusunan program dengan tersusun rapi. Adapun *wasīlah* pula ialah saluran atau media dakwah. Namun, bagi Dr. Ibrahim, beliau menganggap *al-hikmah*, *al-maw'izah* *al-ḥasanah* dan *al-mujādalah bi al-ḥusnā* sebagai *uslūb* dakwah.<sup>33</sup> Beliau memperkuuhkan hujahnya dengan menukilkan kata-kata ‘Abd al-Majid Nawfal (1977: 189) *uslūb* dakwah ialah penyampaian kandungan dakwah atau isi dakwah dengan ibarat dan bentuk yang tertentu.<sup>34</sup>

Sebagai kesimpulan, bolehlah ditegaskan bahawa *uslūb* dakwah jika dilihat dari segi maknanya secara umum, ia membawa pengertian yang sama dengan *manhaj*, sementara dari segi pengertian khususnya pula boleh dilihat berbeza dengan *manhaj* sebagaimana yang cuba dikemukakan oleh sebilangan sarjana yang membawa pengertian pendekatan dakwah, *approach* dakwah atau seni-seni berdakwah.

### 1.3 ASAS-ASAS *MANHAJ DAKWAH*

*Al-Qur'ān* telah menggariskan beberapa *manhaj* dakwah yang jika diikuti dengan sempurna akan menjadi asas kepada kejayaan dakwah dan pencapaian matlamatnya. Di antara *manhaj* tersebut ialah *manhaj al-hikmah*, *al-maw'izah al-ḥasanah* dan *al-mujādalah bi al-ḥusnā* yang telah dirakamkan oleh *al-Qur'ān*:

<sup>33</sup> Ibrahim Hj. Che Noh (Dr.), 2001, *Metodologi Dakwah*, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM (Monograf), h. 55.

<sup>34</sup> *Ibid*, h. 56.

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَادَنَاهُمْ بِالْأَيْضِ  
هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُهَتَّدِينَ ﴿١٢٥﴾

Surah *al-Nahl* (16): 125.

Maksudnya:

Serulah ke jalan Tuhanmu (*wahai Muhammad*) dengan *al-hikmah*, *al-maw'izah al-hasannah* (*pengajaran yang baik*) dan berbahaslah dengan mereka (*orang yang engkau serukan itu*) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu *Dialah jua yang lebih mengetahui tentang orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*

Terjemahan surah *al-Nahl* (16): 125.

Ayat ini diturunkan di Mekah agar Rasulullah (s.a.w.) menyeru kepada agama Allah dan syari'at-Nya dengan lemah lembut tanpa kekasaran dan kekerasan, kerana itulah cara yang sepatutnya dilakukan dalam usaha menyedarkan manusia hingga ke hari kiamat. Ayat ini adalah ayat *muhkamah* (ayat yang hukumnya terus menerus digunakan) yang digunakan untuk menyeru golongan Muslim yang bergelumang dengan dosa dan ia mansukh dengan ayat *al-qitāl* (peperangan) untuk golongan kafir. Ada pendapat yang mengatakan bahawa jika golongan kafir itu masih ada harapan dan potensi untuk beriman tanpa perlu peperangan, maka ayat ini adalah tetap *muhkamah* untuk mereka.<sup>35</sup>

Berhubung *al-hikmah* dan *al-maw'izah al-hasannah*, Rasulullah (s.a.w.) sendiri menegaskan dalam sebuah *hadīth* yang diriwayat oleh Abī Laylā al-Asy'ariy:

إِنَّ اللَّهَ إِنَّمَا بَعْثَنِي أَدْعُ إِلَى سَبِيلِهِ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ، فَمَنْ خَالَفَنِي  
فِي ذَلِكَ فَهُوَ مِنَ الْمَالِكِينَ

<sup>35</sup> Al-Qurtubiy, *op. cit.* j. 10.

Maksudnya:

Bahwasanya Allah (s.w.t.) telah mengutuskan aku supaya aku menyeru ke jalan-Nya dengan hikmah dan al-maw'zah al-ḥasanah (nasihat yang baik), maka sesiapa yang menyanggahiku dalam perkara itu, maka dia tergolong dalam golongan orang-orang yang gagal.<sup>36</sup>

Kajian ini akan membincangkan secara ringkas ketiga-tiga *manhaj* ini supaya dapat dijadikan asas konseptual kepada kajian terhadap *manhaj* dakwah Ibn 'Aṭā' Allāh al-Sakandariy (w709H) sama ada *manhaj* dakwah beliau menepati asas-asas dakwah ini atau sebaliknya.

### 1.3.1 MANHAJ AL-HIKMAH

#### A. Pengertian *al-Hikmah*

*Al-Hikmah* adalah perkataan bahasa Arab yang berasal dari kata kerja *ḥakama*. Perkataan ini pada penggunaan asalnya merujuk kepada makna *al-man<sup>4</sup> li-al-İslāh*,<sup>37</sup> iaitu larangan, tegahan atau betungan yang bertujuan menghalang sesuatu daripada meresap, mengalir, merebak atau berjangkit sehingga memudaratkan sesuatu yang lain. Hasil daripada kata kerja *ḥakama* ini, terbitlah beberapa makna yang lain seperti *al-hakīm* yang bererti orang yang mempunyai hikmah atau berhikmah. *Al-Hakīm* adalah gelaran kepada orang yang mahir melakukan perkara yang rumit dan halus serta melakukannya dengan penuh kualiti dan teliti. Justeru, *al-hikmah* adalah pengetahuan tentang perkara yang terbaik dengan ilmu yang paling baik<sup>38</sup>. Sementara *rajulun muḥakkam* digunakan terhadap seorang lelaki yang berhikmah<sup>39</sup>.

<sup>36</sup> Al-Haythamiy, al-Ḥāfiẓ Nūr al-Dīn 'Aliy ibn Abī Bakr, *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiyy, j. 1, h. 217.

<sup>37</sup> Ibn Manzūr. *op. cit* j. 8, h. 144.

<sup>38</sup> Kaherah: Majma' al-Lughah, *al-Mu'jam al-Wasīt*, j. 1, h. 11189.

<sup>39</sup> Al-Zamakhsariy (1965), *al-Kasyṣyāf 'an ḥaqā'iq Ghawāmid al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fi Wujūh al-Ta'wil*, Beirut: T.P., h. 137.

*Al-Hikmah* juga digunakan untuk merujuk makna *al-'adl* (keadilan), *al-'ilm* (ilmu), *al-hilm* (lemah-lembut), *al-nubuwwah* (kenabian), *al-Qur'ān* dan *al-Injīl*<sup>40</sup>. *Al-hikmah* juga digunakan untuk merujuk kepada sesuatu perkataan atau ungkapan yang ringkas padat tetapi mempunyai makna yang cukup hebat, seperti perumpamaan (seperti peribahasa dan lain-lain) dan *jawāmi'* *al-kalim*<sup>41</sup>, atau lebih dikenali dalam bahasa Melayu sebagai kata-kata hikmah. *Al-Hikmah* juga selalu digunakan untuk merujuk kepada sesuatu sebab, alasan, justifikasi atau rahsia yang tersembunyi di sebalik sesuatu perkara atau hukum, misalnya “apakah hikmah di sebalik ibadah puasa?”.

Daripada makna-makna *al-hikmah* di atas, jelas terserlah makna *al-man'* *li-al- Islāh* (iaitu larangan, tegahan atau betungan yang bertujuan menghalang sesuatu daripada meresap atau merebak atau berjangkit sehingga memudaratkan sesuatu yang lain). Ini dapat difahami penggunaannya dalam beberapa makna lain seperti makna *al-'adl* (keadilan), kerana keadilan menegah seseorang daripada melakukan kezaliman, *al-hilm* (lemah-lembut) menegah seseorang daripada sifat marah dan *al-'ilm* (ilmu) mencegah seseorang daripada terjebak dalam kejahilan. Demikian juga *al-nubuwwah* (kenabian), *al-Qur'ān* dan *al-Injīl*, kerana nabi diutuskan untuk mencegah kaumnya daripada menyembah selain Allah (s.w.t.) dan daripada terjebak ke dalam maksiat dan dosa. Sementara *al-Qur'ān* dan *al-Injīl* serta seluruh kitab suci lain pula mengandungi makna-makna yang mencegah manusia daripada terjebak ke dalam syirik dan setiap bentuk kemungkaran khususnya perkara-perkara yang jijik.

---

<sup>40</sup> Al-Fayrūz'abādīy, *op. cit.* j. 4, h. 100.

<sup>41</sup> *Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiy*, h. 341-342.

Sebilangan ulama mentafsirkan *al-hikmah* dengan makna *al-ma'rifah* kerana makrifat yang sahih mengandungi makna *al-man'* dan penjelasan tentang segala sesuatu. Begitu juga *al-hikmah* dengan makna *al-itqān* (perihal melakukan sesuatu kerja dengan tekun, teliti, cemerlang dan berkualiti), kerana perkataan *al-itqān* mengandungi makna *al-man'* terhadap pekerjaan yang dilakukan itu daripada diserapi oleh kecacatan dan kerosakan.<sup>42</sup> Justeru, setiap perkataan yang menasihatimu, menegahmu (daripada kejahatan) atau menyerumu ke arah kemuliaan, atau mencegahmu daripada kejahatan, maka ia adalah *hikmah* dan *hikam*.<sup>43</sup>

Untuk memahami makna atau pengertian *al-hikmah* secara lebih mendalam, maka perlu ditinjau beberapa pandangan ulama yang cuba menanggapi pengertian *al-hikmah* yang terdapat dalam ayat 125 surah *al-Nahl* itu.

Antara pengertian *al-hikmah* ialah apa yang dinukilkan oleh al-'Allāmah al-Alūsiy (w1270H) dan Abū al-Su'ūd bahawa Ibn 'Abbās (r.a.) berkata: Ia (*al-hikmah*) ialah ilmu pengetahuan (*al-ma'rifah*) tentang *al-Qur'ān*; ilmu tentang *nāsikh mansūkh*, *muḥkam*, *mutasyābih*, *muqaddam* dan *mu'akhkhar* yang ada di dalamnya, hukum halal haram yang terkandung di dalamnya dan lain-lain yang berkaitan ilmu *al-Qur'ān*. Dalam satu riwayat daripada Ibn 'Abbās (r.a.) juga, beliau mengertikan *al-hikmah* sebagai kefahaman (*al-fiqh*) tentang *al-Qur'ān*. Sementara Mujāhid berkata *al-hikmah* adalah *al-Qur'ān*, ilmu dan *al-fiqh*. Ibn Nuṣayḥ pula berkata *al-hikmah* ialah menepati kesahihan dalam perkataan dan

---

<sup>42</sup> Al-Qaḥṭāniy, Sa'īd ibn 'Aliy al-Qaḥṭāniy (Dr) (1992), *al-Hikmah fi al-Da'wah ilā Allāh*, Riyad: Mu'assasah al-Jarisiy, h. 24-25.

<sup>43</sup> Ibn Durayd, Muḥammad ibn al-Ḥasan (1413H), *Jamharat al-Lughah*, Beirut: Dār Ṣadīr li-al-Ṭibā'ah, j. 2, h. 186.

perbuatan. Ibrāhīm al-Nakha'iyy pula berkata *al-hikmah* ialah ilmu pengetahuan (*al-ma'rifat*) tentang makna-makna segala sesuatu dan kefahaman mengenainya dan ada yang mengatakan bahawa ia adalah melakukan perbuatan yang baik yang betul atau tepat.<sup>44</sup>

Al-Imām al-Qurṭubiy (w671H) menukilkan daripada Mālik ibn ‘Anas bahawa beliau berkata *al-hikmah* ialah ilmu pengetahuan (*al-ma'rifah*) tentang agama Allah, memahaminya (*al-fiqh*) dan mengikutinya.<sup>45</sup>

Menurut al-Imām Ibn Ḥajar (773-852H), *al-hikmah* ialah segala sesuatu yang menghalang kejahilan dan mencegah daripada kejahanan.<sup>46</sup>

Al-Imām al-Nawawiy (631-676H) berkata *al-hikmah* ialah ilmu yang bersifat *iḥkām* (jitu, mantap, tepat, sahih dan bernes) yang merangkumi ilmu makrifat Allah (s.w.t.), yang diiringi dengan ketajaman atau ketepatan pandangan mata hati (*nafādh al-baṣirah*), kemuliaan jiwa dan merealisasikan *al-ḥaqq* dan beramal dengannya, berserta menghalang daripada mengikut hawa nafsu dan kebatilan.<sup>47</sup>

Al-Imām al-Ghazzāliy (450H/1059M-505H/1111M) berkata *al-hikmah* ialah suatu keadaan jiwa atau nafsu yang dengannya sesuatu yang tepat (betul) dapat dibezakan berbanding sesuatu yang salah dalam seluruh perbuatan *ikhtiyāriyyah*.<sup>48</sup>

---

<sup>44</sup> Al-Alūsiy, al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsiy (t.th.), *Rūḥ al-Ma'āniy fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz wa al-Sab' al-Mathāni*, Mesir: Idārat al-Maṭba'ah al-Munīriyyah, j. 1, h. 25; Abū al-Su'ūd, Muhammād ibn Muhammād al-'Imādiy (t.th.), *Irsyād al-'Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Qur'ān al-Karīm*, Mesir: Maṭba'ah Muhammād Subayḥ wa Awlāduhū, j. 1, h. 199.

<sup>45</sup> Al-Qurṭubiy, *op. cit.*, j. 3, h. 330.

<sup>46</sup> Ibn Ḥajar al-'Asqalāniy, *Fatḥ al-Bārī*, j. 1, h. 201.

<sup>47</sup> Al-Nawawiy, Yahyā ibn Syaraf al-Dīn (1392H), *Syarḥ al-Imām al-Nawawiy 'Ala Sahīḥ Muslim*, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiyy, j. 2, h. 145.

<sup>48</sup> Al-Ghazzāliy, Abū Ḥāmid (1387H/1967M), *Iḥyā 'Ulūm al-Dīn*, Kaherah: al-Ḥalabiy wa Syurakāhu li-al-Nasyr, j. 3, h. 70. Perbuatan *ikhtiyāriyyah* ialah perbuatan hamba yang dipilih

Al-Sayykh al-Qahtāniy telah menyimpulkan *al-hikmah* dengan katanya: Setelah diteliti dan dikaji, didapati bahawa takrif yang syumul yang menggabungkan dan mencantumkan pelbagai pandangan dalam mendefinisikan *al-hikmah*, ialah takrif “membetuli atau menepati *al-haqq* dalam perkataan dan perbuatan, dan meletakkan setiap sesuatu pada tempatnya”.<sup>49</sup>

## B. Asas-asas *al-Hikmah*

Setelah meneliti pengertian-pengertian *al-hikmah* yang dikemukakan oleh para ulama, didapati ada unsur-unsur utama yang menjadi paksi kepada pengertian *al-hikmah* yang walaupun sekali imbas kelihatan wujud kepelbagaiannya corak pendekatan dan pengertian yang dikemukakan. Unsur-unsur itu merangkumi aspek ilmu yang berguna dan amal soleh yang dilakukan dengan *al-iḥkām* dan *al-itqān* sebagai asas-asas *al-hikmah*. Justeru, *al-hikmah* terdiri atas empat perkara utama; asas ilmu pengetahuan, kebetulan (kesahihan), *al-man‘* dan amal yang baik:

- (i) Ilmu pengetahuan menerusi proses penggunaan akal fikiran, pencarian ilmu, pengamatan dan latihan berfikir.
- (ii) Betul atau sahih sebagai natijah *al-hikmah*, di mana ia memimpin seseorang ke arah pandangan yang tepat (betul), perbicaraan yang betul dan pemikiran yang betul.

---

sendiri oleh hamba berkenaan untuk dilakukan, dan lawannya ialah perbuatan *idṭirāriyyah* iaitu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang hamba secara terpaksa seperti mengantuk, lapar dan dahaga.

<sup>49</sup> Al-Qahtāniy, *op. cit.* h. 27.

(iii) *Al-Hikmah* juga mempunyai hasil atau natijah lain yang penting iaitu *al-man<sup>49</sup>* (iaitu larangan, tegahan atau betungan yang bertujuan menghalang sesuatu daripada meresap atau merebak atau berjangkit sehingga memudaratkan perkara yang lain). Dengan ini, *al-hikmah* mampu menegah seseorang daripada keburukan dan kejahanan sama ada dari segi kata-kata, perbuatan, perilaku, suluk atau pemikiran kerana ia mengawal, menyelia dan memimpin seseorang itu kepada kebaikan dan mencegahnya daripada kejahanan.

(iv) Seterusnya *al-Hikmah* juga mempunyai *muhimmah salbiyyah* (fungsi negatif yang baik) iaitu menegah seseorang daripada kejahanan dan mempunyai fungsi alternatif iaitu *muhimmah ījābiyyah* (fungsi positif) di mana ia mendorong seseorang ke arah melakukan kebaikan dan *ihsān* kepada manusia sama ada dari aspek lidah, tangan, tindak-tanduk dan dalam kehidupan seluruhnya<sup>50</sup>.

### C. Contoh-contoh *al-Hikmah*

Untuk memahami dengan lebih mendalam pengertian hikmah dalam berdakwah, ada baiknya dibawa contoh-contoh hikmah khususnya yang terdapat dalam *al-Qur'ān al-Karīm* kerana memberikan contoh adalah cara terbaik untuk memahami sesuatu konsep. *Al-Qur'ān al-Karīm* memaparkan hikmah dalam pelbagai bentuk termasuklah bentuk kisah, perumpamaan, wasiat dan lain-lain.

---

<sup>50</sup> Al-Khālidiy, Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ (Dr.) (1996M/1416H), *Ma'a Qaṣṣṣ al-Sābiqīn fī al-Qur'ān*, Damsyik: Dār al-Qalam, h. 159.

Berhubung kisah, *al-Qur'an al-Karim* telah memaparkan pelbagai kisah dakwah yang sangat menarik. Salah satunya ialah kisah Nabi Yusuf (a.s.) dalam penjara yang telah dipaparkan dalam surah *Yusuf*, ayat 36-41.

وَدَخَلَ مَعَهُ السَّجْنَ فَيَانَ قَالَ أَحَدُهُمَا إِنِّي أَرَانِي أَغْصُرُ خَمْرًا وَقَالَ  
الْآخَرُ إِنِّي أَحْمَلُ فَوْقَ رَأْسِي خَبْرًا تَأْكُلُ الطَّيْرُ مِنْهُ لَبَّسْتَا بِتَأْوِيلِهِ إِنِّي  
نَرَاكَ مِنَ الْمُحْسِنِينَ (36) قَالَ لَا يَأْتِيكُمَا طَعَامٌ ثُرَّزْ قَاهَنَ إِلَّا يَبْأَكُمَا  
بِتَأْوِيلِهِ قَبْلَ أَنْ يَأْتِيكُمَا ذَلِكُمَا مَمَّا عَلِمْتِي رَبِّي إِنِّي تَرَكْتُ مَلْهَةَ قَوْمٍ لَا  
يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَهُمْ بِالْآخِرَةِ هُمْ كَافِرُونَ (37) وَأَبْعَثْتُ مَلْهَةً آبَانِي إِبْرَاهِيمَ  
وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ مَا كَانَ لَنَا أَنْ نُشْرِكَ بِاللَّهِ مِنْ شَيْءٍ ذَلِكَ مِنْ فَضْلِ  
اللَّهِ عَلَيْنَا وَعَلَى النَّاسِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ (38) يَا صَاحِبِي  
السَّجْنِ أَرْبَابُ مُتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمِ اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ (39) مَا تَعْبُدُونَ  
مِنْ دُونِهِ إِلَّا أَسْمَاءً سَمَيَّتُهَا أَنْتُمْ وَآباؤُكُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ بِهَا مِنْ سُلْطَانٍ  
إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ أَمْرٌ إِلَّا يَعْبُدُوا إِلَّا إِيَاهُ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيْمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ  
النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ (40) يَا صَاحِبِي السَّجْنِ أَمَّا أَحَدُكُمَا فَيَسْقِي رَبَّهُ خَمْرًا  
وَأَمَّا الْآخَرُ فَيُصْلِبُ فَتَأْكُلُ الطَّيْرُ مِنْ رَأْسِهِ قُضِيَ الْأَمْرُ الَّذِي فِيهِ  
تَسْفِيَانِ (41).

Surah *Yusuf*(12): ayat 36-41.

Maksudnya:

Dan dua orang khadam raja telah masuk bersama-sama (Yusuf) ke penjara. Salah seorang di antaranya (bertanya kepada Yusuf dengan) berkata: "Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku memerah anggur". Dan yang seorang lagi pula berkata: "Sesungguhnya aku bermimpi melihat diriku menjunjung roti atas kepala ku, yang sebahagiannya dimakan oleh burung." (kemudian keduanya berkata): "Terangkanlah kepada kami akan tafsirannya. Sesungguhnya kami menganggapmu sebagai sebahagian daripada orang-orang yang berbuat kebaikan (untuk umum)". Yusuf menjawab: "(Aku bukan sahaja dapat menerangkan takbir mimpi kamu itu, bahkan) tidak datang kepada kamu sesuatu makanan yang diberikan kepada kamu (tiap-tiap hari dalam penjara), melainkan aku juga dapat memberitahu kepada kamu akan nama dan jenisnya, sebelum ia dibawa kepada kamu. Yang demikian itu ialah sebahagian dari apa yang diajarkan kepadaku oleh Tuhanmu. Dengan sebab itu aku meninggalkan agama kaum yang tidak

*beriman kepada Allah serta tidak pula percayakan hari akhirat. "Dan aku menurut agama bapa dan datuk nenekku: Ibrāhīm dan Isḥāq serta Ya'qūb. Tidaklah sepatutnya kita mempersekuatkan sesuatu pun dengan Allah. Mentauhid - mengesakan Allah ialah hasil dari limpah kurnia Allah kepada kita dan kepada umat manusia. Tetapi kebanyakannya manusia tidak bersyukur. "Wahai kedua sahabat sepenjaraku, memuja dan menyembah berbilang-bilang tuhan yang bercerai-berai itukah yang lebih baik atau menyembah Allah Tuhan Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa? Apa yang kamu sembah, yang lain dari Allah, hanyalah nama-nama yang kamu menamakannya, kamu dan datuk nenek kamu, Allah tidak pernah menurunkan sebarang bukti yang membentarkannya. Sebenarnya hukum (yang menentukan amal ibadat) hanyalah bagi Allah. Dia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia. Yang demikian itulah agama yang betul, tetapi kebanyakannya manusia tidak mengetahui. "Wahai kedua sahabat sepenjaraku! (takwil mimpi kamu itu ialah) Adapun salah seorang dari kamu, maka dia akan memberi minum arak kepada tuannya. Adapun yang seorang lagi, maka dia akan disalib, serta burung pula akan makan dari kepalanya. Telah selesailah (dan tetaplah berlakunya) perkara yang kamu berdua tanyakan itu".*

Terjemahan surah Yūsuf(12): 36-42.

Ringkasan *mafhūm* ayat-ayat tersebut ialah bahawa dalam ayat 36 Allah (s.w.t.) telah memaparkan kisah Nabi Yūsuf (a.s.) yang telah dimasukkan ke dalam penjara setelah baginda enggan menurut kehendak isteri al-'Azīz yang meruntun dirinya untuk melakukan perbuatan sumbang bersamanya. Baginda telah merengkok dalam penjara itu bersama-sama dengan dua orang pemuda lain. Kedua-dua pemuda tersebut telah bermimpi; seorang bermimpi memerah jus anggur menjadi arak sementara seorang pemuda lagi bermimpi meletakkan roti di atas kepala, lantas disambar oleh seekor burung. Mereka berdua telah meminta Nabi Yūsuf (a.s.) supaya memberikan takwil atau tafsir kepada mimpi tersebut. Dalam ayat 37-39 pula, *al-Qur'ān al-Karīm* mengisahkan bagaimana Nabi Yūsuf (a.s.) berjanji bahawa baginda akan menjawab soalan mereka berdua sebelum tiba waktu makan. Sebelum menjawab soalan kedua-dua pemuda tersebut, baginda mengambil peluang untuk menceritakan latar belakang baginda, iaitu bahawa baginda telah berhijrah meninggalkan agama kaum yang kufur. Baginda telah

mengikut ajaran nenek moyangnya iaitu Nabi Ibrāhīm (a.s.), Nabi Isḥāq (a.s.) dan Nabi Ya‘qūb (a.s.). Dalam ayat 40, baginda bertanya kepada kedua-dua orang pemuda tersebut, apakah tuhan-tuhan yang berselerakan (patung-patung yang berselerakan) lebih baik atau Allah Tuhan Yang Esa dan Maha Perkasa? Setelah menerangkan hakikat tuhan-tuhan yang palsu itu, barulah Nabi Yūsuf (a.s.) berpindah kepada soalan asal kedua-dua pemuda tersebut dan menjawab takwil mimpi mereka.

Hikmah yang nyata dalam kisah Nabi Yūsuf (a.s.) ini dapat disingkapit menerusi percubaan baginda untuk merebut peluang menyebarkan akidah tauhid yang benar di kalangan para banduan yang bersama-sama baginda dalam penjara itu. Dalam teknik perbicaraan Nabi Yūsuf (a.s.) sangat nyata kelembutan cara baginda dalam meredah jiwa manusia dan kebijaksanaan baginda dalam memindahkan tajuk-tajuk perbicaraan secara halus. Demikianlah ciri peribadi yang agung dalam kisah ini.<sup>51</sup> Nabi Yūsuf (a.s.) telah berjaya menggambarkan keseluruhan mercu tanda penting agama Allah hanya dengan beberapa patah perkataan yang bijaksana, tegas dan penuh bersinar.<sup>52</sup>

Contoh kedua ialah berkenaan hikmah Nabi Yūsuf (a.s.) dalam percubaannya untuk membongkar rahsia sebenar kenapa baginda telah dijatuhi hukuman penjara oleh isteri al-‘Azīz yang dipaparkan dalam ayat 50-51 surah *Yūsuf*:

وَقَالَ الْمَلِكُ اُنْتُونِي بِهِ فَلَمَّا جَاءَهُ الرَّسُولُ قَالَ ارْجِعْ إِلَى رَبِّكَ فَاسْأَلْهُ مَا بَالُ النِّسْوَةِ الَّتِي قَطَعْنَ أَيْدِيهِنَّ إِنْ رَبِّي بِكَيْنِهِنَّ عَلِيمٌ (50) قَالَ مَا

<sup>51</sup> Syed Quṭb, (1979), *Fī Zilāl al-Qur’ān*, Kaherah: Dār al-Syurūq, h. 1988.

<sup>52</sup> *Ibid*, h. 1991.

خَطْبُكُنَّ إِذْ رَأَوْدُنَّ يُوسُفَ عَنْ نَفْسِهِ قُلْنَ حَاسَ لَلَّهُ مَا عَلِمْتَنَا عَلَيْهِ مِنْ سُوءٍ قَالَتِ امْرَأَةُ الْعَزِيزِ الْآنَ حَصْنَصَ الْحَقُّ أَنَا رَأَوْدُنَّهُ عَنْ نَفْسِهِ وَإِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٥١﴾

Surah Yūsuf (12): 50-51.

Maksudnya:

Dan (apabila mendengar tafsiran itu) berkatalah raja Mesir: "Bawalah dia kepadaku! Maka tatkata utusan raja datang kepada Yūsuf (menjemputnya mengadap raja), Yūsuf berkata kepadanya: Kembalilah kepada tuanmu kemudian bertanyalah kepadanya: "Apa halnya perempuan-perempuan yang memotong tangan mereka? Sesungguhnya Tuhanmu Maha Mengetahui tipu daya mereka". (Setelah perempuan-perempuan itu dipanggil), raja bertanya kepadanya mereka: "Apa hal kamu, semasa kamu memujuk Yūsuf mengenai dirinya?" Mereka menjawab: Maha Suci Allah dari segala cacat cela, kami tidak mengetahui sesuatu kejahatan tentang Yūsuf". Isteri al-'Azīz pun berkata: "Sekarang ternyata adalah kebenaran (yang selama ini tersembunyi), akulah yang memujuk Yūsuf kerana aku berkehendakkan dirinya (tetapi dia telah menolak); dan sesungguhnya dia adalah terdiri daripada kalangan orang-orang yang benar.

Terjemahan surah Yūsuf (12): 50-51.

Dalam dua ayat di atas, Nabi Yūsuf (a.s.) telah meminta utusan Raja Mesir yang datang menjemput baginda supaya menghadap Raja untuk memberikan tafsiran mimpi Raja agar kembali semula menemui Raja dan bertanyakan soalan "apakah gerangan perempuan-perempuan yang telah memotong jari-jemari mereka?". Lalu baginda telah memanggil perempuan-perempuan terbabit dan bertanya "Apakah gerangan kamu ketika mana Yūsuf menggoda kamu?". Mereka menjawab: "Maha Suci Allah. Kami tidak mengetahui apa-apa hal tentang kejahatan Yūsuf. Lalu isteri al-'Azīz mengaku bahawa dia adalah sebenarnya yang menggoda Yūsuf.

Sesungguhnya Yūsuf (a.s.) amat berhikmah kerana baginda sanggup mentafsir mimpi raja walaupun baginda masih dipenjarakan. Kesabaran Nabi Yūsuf dalam menunggu masa dan janji Allah untuk membebaskan dirinya

daripada tuduhan yang zalim telah menyebabkan ramai orang terpegun, termasuklah baginda Rasulullah (s.a.w.) sendiri, di mana baginda pernah bersabda: “Jikalah aku berada di tempat Yūsuf, nescaya aku akan mensyaratkan supaya aku dibebaskan terlebih dahulu sebelum aku menjawab.<sup>53</sup>

Hikmah yang dapat diselami ialah baginda mampu meraih kepercayaan Raja Mesir kerana melihat kesabaran dan keikhlasan Nabi Yūsuf itu, lantas baginda menghantar utusan untuk membebaskannya dari penjara, namun sekali lagi Yūsuf menunjukkan kehebatannya dengan menolak permintaan Raja itu sebelum Raja bertanya apakah hal sebenar yang terjadi kepada perempuan-perempuan yang terpotong jari-jemari mereka.<sup>54</sup> Oleh sebab terbukti baginda tidak bersalah, Raja Mesir melantik Nabi Yūsuf menjadi menteri dalam kerajaan baginda, sekaligus membayangkan betapa besar hikmah di sebalik kesanggupan Nabi Yūsuf menghadapi fitnah dengan penuh kesabaran yang amat mengagumkan dan bukannya secara kekerasan untuk menegakkan kebenaran dirinya yang tidak bersalah. Demikianlah ciri-ciri sahsiah agung yang ada pada diri Nabi Yūsuf (a.s.) yang mana antara yang paling menonjol ialah ciri berbangga dengan keimanan kepada Allah (s.w.t.) dan *thiqah* dengan Allah (s.w.t.).<sup>55</sup>

Contoh ketiga yang ingin dipaparkan di sini ialah kisah pemusnahan patung-patung berhala yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrāhīm (a.s.) yang telah dipaparkan oleh surah *al-Anbiyā'*, ayat 52-67.

---

<sup>53</sup> Al-Qurtubiy, *op. cit.*

<sup>54</sup> *Ibid.*

<sup>55</sup> Syed Quṭb, *op. cit.* h. 2001.

إِذْ قَالَ لَأُيُّهِ وَقَوْمِهِ مَا هَذِهِ التَّمَاثِيلُ الَّتِي أَنْثَمْ لَهَا عَاكِفُونَ (52) قَالُوا  
 وَجَدْنَا آبَاءَنَا لَهَا عَابِدِينَ (53) قَالَ لَقَدْ كُنْتُمْ أَنْشَمْ وَآبَاؤُكُمْ فِي ضَلَالٍ  
 مُّبِينٍ (54) قَالُوا أَجْئَنَا بِالْحَقِّ أَمْ أَنْتَ مِنَ الْمُاعْبِدِينَ (55) قَالَ بَلْ رَبُّكُمْ  
 رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الَّذِي فَطَرَهُنَّ وَإِنَّا عَلَى ذَلِكُمْ مِنَ الشَّهِيدِينَ  
 (56) وَتَالَّهُ لَا يَكِيدُنَا أَصْنَامُكُمْ بَعْدَ أَنْ تُوَلُوا مُذْبِرِينَ (57) فَجَعَلْنَاهُمْ  
 جُذَادًا إِلَّا كَبِيرًا لَهُمْ لَعْلَهُمْ إِلَيْهِ يَرْجِعُونَ (58) قَالُوا مَنْ فَعَلَ هَذَا  
 بِالْهَيْثَا إِلَّا لَمَنِ الظَّالِمِينَ (59) قَالُوا سَمِعْنَا فَتَى يَذْكُرُهُمْ يَقَالُ لَهُ  
 إِبْرَاهِيمَ (60) قَالُوا فَأَثْوَرْنَا بِهِ عَلَى أَعْيُنِ النَّاسِ لَعْلَهُمْ يَشَهِّدُونَ (61)  
 قَالُوا أَلَّا تَفْعَلْ هَذَا بِالْهَيْثَا يَا إِبْرَاهِيمَ (62) قَالَ بَلْ فَعَلَهُ كَبِيرُهُمْ هَذَا  
 فَاسْأَلُوهُمْ إِنْ كَانُوا يَنْطَقُونَ (63) فَرَجَعُوا إِلَى أَنفُسِهِمْ فَقَالُوا إِنَّكُمْ أَنْتُمُ  
 الظَّالِمُونَ (64) ثُمَّ كُسْكُسُوا عَلَى رُءُوسِهِمْ لَقَدْ عَلِمْتَ مَا هُؤُلَاءِ يَنْطَقُونَ  
 (65) قَالَ أَفَتَعْبِدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكُمْ شَيْئًا وَلَا يَضُرُّكُمْ  
 (66) أَفَلَكُمْ وَلِمَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَفَلَا يَقْتَلُونَ (67)

Surah Yūsuf (12): 52-67.

Maksudnya:

(Ingatlah) Ketika dia (Nabi Ibrāhīm (a.s.)) berkata kepada bapanya dan kaumnya: "Apakah hakikat patung-patung ini yang kamu bersungguh-sungguh menyembahnya?" Mereka menjawab: "Kami telah dapati datuk nenek kami menyembahnya". Dia berkata: "Sesungguhnya kamu dan datuk-nenek kamu berada dalam kesesatan yang nyata". Mereka bertanya: "Adakah engkau membawa kepada kami sesuatu yang benar (sebagai seorang Rasul), atau engkau dari orang-orang yang bermain-main sahaja?" Dia menjawab: "(Bukan bermain-main) bahkan (untuk menegaskan bahawa) Tuhan kamu ialah Tuhan yang mentadbirkan langit dan bumi, Dialah yang menciptanya; dan aku adalah dari kalangan orang-orang yang boleh memberi keterangan mengesahkan yang demikian itu. "Dan demi Allah, aku akan jalankan rancangan terhadap berhala-berhala kamu, sesudah kamu pergi meninggalkan (rumah berhala ini)". Lalu dia memecahkan semuanya berketul-ketul, kecuali sebuah berhala mereka yang besar (dibiarkannya), supaya mereka merujuk kepadanya. (Setelah melihat kejadian itu) mereka bertanya: "Siapakah yang melakukan perbuatan yang demikian terhadap tuhan-tuhan kami? Sesungguhnya dia adalah dari kalangan orang-orang yang zalim". (Sebilangan dari) mereka berkata: "Kami ada mendengar seorang anak muda bernama Ibrāhīm, mencacinya". (Ketua-ketua) mereka berkata: "Jika demikian, bawalah dia di hadapan orang ramai

supaya mereka menyaksikan (hukuman yang akan dijatuhi ke atasnya). (Setelah dia dibawa ke situ) mereka bertanya: "Engkaukah yang melakukan demikian kepada tuhan-tuhan kami, hai Ibrāhīm?" Dia menjawab: "(Tidak) bahkan yang melakukannya ialah berhala yang besar ini, maka kamu boleh bertanya kamu kepada berhala-berhala itu kalau-kalau mereka dapat berkata-kata". Maka mereka (penyembah berhala) kembali kepada diri mereka (memikirkan hal itu) lalu berkata (sesama sendiri): "Sesungguhnya kamu lah sendiri orang-orang yang zalim". Kemudian mereka terbalik fikiran mereka kembali kepada kesesatan, lalu berkata: "Sesungguhnya engkau (hai Ibrāhīm), telah sedia mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat berkata-kata (maka mengapa engkau menyuruh kami bertanya kepadanya)?" Nabi Ibrāhīm berkata: "Jika demikian, patutkah kamu menyembah tuhan yang lain selain dari Allah? Sesuatu yang tidak dapat mendatangkan faedah sedikitpun kepada kamu, dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepada kamu? "Jijik perasaanku terhadap kamu dan apa yang kamu sembah selain Allah! Maka mengapa kamu tidak mahu menggunakan akal fikiran kamu?"

Terjemahan surah *Yūsuf* (12): 52-67.

Antara hikmah yang dapat dipetik daripada keseluruhan kisah ini ialah bagaimana kekuatan logik pemikiran Nabi Ibrāhīm (a.s.) yang tinggi telah dapat memegunkan golongan kafir, sehingga mereka saling salah menyalahkan antara satu sama lain. Logik itu ini hanyalah datang daripada seorang hamba Allah yang masih remaja, berdasarkan lafaz *fatan* yang digunakan oleh *al-Qur'ān al-Karīm*. Segala dialog yang berlaku antara Nabi Ibrāhīm (a.s.) dan kaumnya berligar di sekitar persoalan akidah tauhid dan ketuhanan.<sup>56</sup> Ia adalah suatu dialog yang penuh dengan hikmah, di mana memaparkan persoalan tauhid secara jelas adalah antara persoalan pokok dakwah Islamiah. Peristiwa ini juga memaparkan bahawa tindakan hikmah tidak semestinya beriringan dengan tindakan lemah lembut dan mengalah semata-mata, malah dalam keadaan tertentu, tindakan keras dan mengancam, seperti yang dilakukan oleh Nabi Ibrāhīm (a.s.) juga dianggap

---

<sup>56</sup> Syed Quṭb, *op. cit.* h. 2384-2388.

tindakan yang penuh berhikmah, kerana kedegilan kaum Ibrāhīm sudah mencecah kemuncaknya. Hanya satu-satunya tindakan yang berhikmah untuk membuktikan kelemahan tuhan patung yang mereka sembah itu ialah menerusi menghancurkan ‘tuhan-tuhan’ yang tidak mampu mempertahankan diri mereka sendiri.

### 1.3.2 *MANHAJ AL-MAW'IZAH AL-HASANAH*

#### A. Pengertian *al-Maw'izah al-Hasanah*

*Al-Maw'izah* adalah satu lafaz dalam bahasa Arab yang berasal dari kata dasar atau kata terbitan *al-wa'z*. *Al-Wa'z* bererti memberi nasihat dan peringatan terhadap akibat yang tidak baik (yang akan berlaku jika sesuatu dilakukan atau ditinggalkan). Sebab itu dikatakan: “Orang yang bahagia ialah orang yang mengambil nasihat daripada orang lain”<sup>57</sup>.

Menurut kamus *al-Misbāh al-Munīr*, *al-wa'z* ialah nasihat dan perintah, sementara *al-maw'izah* pula adalah kata nama kepada peringatan tersebut.<sup>58</sup>

Dalam konteks bahasa Melayu, *Kamus al-Marbawiy* mengertikan *al-maw'izah* sebagai menasihat atau memberi nasihat.<sup>59</sup>

Dengan ini, bolehlah difahami *al-maw'izah* dalam bahasa Melayu sebagai nasihat, peringatan atau pengajaran. Sementara *al-hasanah* bererti yang baik. Justeru, gabungan kedua perkataan *al-maw'izah al-hasanah* membawa erti nasihat yang baik atau peringatan yang baik atau pengajaran yang baik. Menurut *Kamus Dewan*<sup>60</sup> perkataan nasihat bererti ajaran, petunjuk yang baik dan peringatan.

<sup>57</sup> *Mukhtār al-Šihāh*, op. cit. h. 165.

<sup>58</sup> Al-Fayyūmī, Ahmad ibn Muḥammad ibn 'Aliy al-Fayyūmī al-Muqrī (1978), *al-Misbāh al-Munīr*, Lubnan, h. 255.

<sup>59</sup> Al-Marbawiy, Muḥammad ibn Idrīs al-Marbawiy (1990), *Kamus al-Marbawiy*, Kuala Lumpur: Dar al-Fikr, h. 393

<sup>60</sup> *Kamus Dewan* (1992), h. 857.

Dari segi penggunaan dalam dakwah, al-Imām al-Tabariy (w310H) berkata bahawa *al-maw'iżah al-hasanah* bermaksud membawa contoh yang menarik serta mengingatkan sasaran dakwah dengan *al-Qur'ān al-Karīm* dan menyanggah tentangan mereka dengan baik. Mereka juga tidak dipaksa untuk menjalankan segala apa yang telah disampaikan kepada mereka<sup>61</sup>.

Ibn Kathir (w774H) berpendapat, memberikan nasihat yang baik ialah dengan menyatakan segala tegahan yang terdapat di dalam *al-Qur'ān al-Karīm* dan al-Sunnah serta memberikan peringatan terhadap kejadian yang pernah menimpa manusia dengan mengingatkan orang ramai tentang kejadian tersebut supaya mereka beringat-ingat dengan balasan Allah.<sup>62</sup>

Pada tempat yang lain, Ibn Kathir (w774H) menyatakan bahawa Allah (s.w.t.) secara terang-terangan menyuruh Rasulullah (s.a.w.) agar berdakwah dengan penuh kelembutan sebagaimana Allah (s.w.t.) telah mengutuskan Nabi Musa (a.s.) dan Nabi Harun (a.s.) menghadap Fir'aun di mana Allah (s.w.t.) telah memerintahkan kedua-duanya agar menggunakan kelembutan dalam menyeru Fir'aun kepada agama Allah seperti firman-Nya (surah *Tāhā* (20): 44) yang bermaksud:

*Kemudian hendaklah kamu berdua berkata kepadanya (Fir'aun) dengan kata-kata yang lembut semoga dia mengambil ingatan atau merasa takut.*

Terjemahan Surah *Tāhā* (20): 44.

Ayat ini mempunyai 'ibrah (pengajaran) serta hikmah yang amat besar kerana bukanlah suatu kerja yang mudah untuk menyeru Fir'aun yang berhati batu

---

<sup>61</sup> Al-Tabariy, Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Tabariy (1984), *Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wil Āyi al-Qur'ān*, Kaherah: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābiy al-Ḥalabiy, j. 12, h. 194.

<sup>62</sup> Ibn Kathir, Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn Kathir (1966), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Kaherah: Dār al-Sya'b, j. 2, h. 593.

yang hidup dalam kemegahan serta penuh penentangan terhadap agama Allah. Dengan yang demikian, hanya jalan lemah-lembut sahaja yang dianggap berkesan.<sup>63</sup>

Al-'Allāmah al-Alūsiy (w1270H) berkata bahawa *al-maw'iżah al-ḥasanah* ialah percakapan yang memberikan kepuasan serta susunan kata-kata yang bermanfaat dan tidak tersembunyi kepada orang yang didakwahkan bahawa pendakwah bertujuan memberikan nasihat dengan kata-kata tersebut.<sup>64</sup>

Syed Quṭb (1909-1966M) menyatakan *al-maw'iżah al-ḥasanah* ialah cara masuk ke dalam hati dengan cara lemah lembut, menyelami perasaan dengan halus, bukan dengan mengherdik atau mencela dalam perkara-perkara yang tidak wajib dicela, bukan dengan cara membuka tembelang kesalahan yang kadang-kadang berlaku dengan sebab kejahilan atau dengan niat baik. Sesungguhnya lemah lembut dalam memberi nasihat dapat memberi hidayah kepada banyak hati-hati manusia yang jahat, menjinakkan hati-hati yang liar yang akan membuatkan hasil yang lebih baik dari menggunakan kata-kata kasar, celaan dan cacian.<sup>65</sup>

Seterusnya Syed Quṭb (1909-1966M) menyarankan beberapa perkara dalam pelaksanaan *manhaj al-maw'iżah al-ḥasanah* yang harus diikuti oleh para pendakwah. Antaranya:

1. Pertuturan yang lemah lembut dan menarik sehingga pendengarnya tertarik hati untuk menerimanya.
2. Menjauhi sikap bongkak dan sompong serta membangga diri atau bersikap kasar terhadap sasaran dakwah.

---

<sup>63</sup> *Ibid*, j. 4, h. 235.

<sup>64</sup> Al-Alūsiy, *op.cit.*, j. 14, h. 254.

<sup>65</sup> Quṭb, Syed Quṭb, *op.cit.*, j. 4, h. 2202.

3. Menghindari kata-kata sindiran yang boleh menggugat kehormatan orang yang dinasihati.<sup>66</sup>

Daripada perbincangan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa *al-maw'izah al-hasanah* adalah nasihat, peringatan atau pengajaran yang baik, yang diungkapkan dengan kata-kata atau bahasa yang baik, bersopan dan beradab dan yang disampaikan dengan cara yang baik, sopan santun dan lemah lembut terhadap sasaran dakwah. *Manhaj* ini mampu menarik minat manusia untuk mendengar pengajaran agama Allah dan tidak menyebabkan mereka liar atau lari. Ia mementingkan ketukan hati secara berhemah dengan memahami latar belakang sasaran dakwah dan penyampaian yang baik, ikhlas dan jujur sehingga sasaran merasakan bahawa pendakwah benar-benar mahu menolongnya atau membimbingnya. Realiti menyaksikan bahawa manusia dilahirkan secara fitrahnya adalah baik, dan mahu menjadi manusia yang baik walaupun keadaan semasanya jahat. Justeru, apabila dia merasakan pendakwah jujur ingin membimbingnya, maka dia akan menghargai usaha itu. Walaupun mungkin dia sedar perubahan drastik mungkin sangat sukar, namun kesediaan seseorang untuk menerima kebaikan sebagai kebaikan adalah suatu mukadimah yang baik untuk dia berubah.

#### B. Kepentingan *al-Maw'izah al-Hasanah*

Untuk melihat kepentingan *al-maw'izah al-hasanah*, dipaparkan di sini secara ringkas sebahagian daripada apa yang ditulis oleh al-Shaykh Ibrāhim Dusūqiy mengenai kepentingan nasihat.

---

<sup>66</sup> *Ibid.*

Manusia tidak sama dari segi tahap ilmu tentang *al-Qur'an al-Karim* dan al-Sunnah, dari segi tahap penguasaan terhadap pengajaran, hukum-hakam dan perincian risalah Islam. Demikian juga dari segi tahap kemampuan kias hukum-hakam dari masalah-masalah yang sedia ada, juga dari segi keperihatinan untuk mengikut pengajaran-pengajaran agama dan menjauhkan diri dari melakukan *bid'ah*.<sup>67</sup>

Sementara itu, tabiat manusia pula seringkali cepat berubah-ubah dan cepat menerima godaan syahwat dan syubhat. Mereka seringkali terdedah kepada kejahanatan dan maksiat, dosa dan noda. Sesungguhnya manusia telah diciptakan sebagai makhluk yang lemah, yang hampir tidak mampu untuk *istiqāmah* atas satu keadaan atau jalan. Malah perubahan dan tukar-ganti adalah tabiat setiap masyarakat manusia, betapapun sejarah mereka dipenuhi kebaikan.<sup>68</sup>

Daripada Abū al-Dardā' (r.a.) beliau berkata: Jika Rasulullah (s.a.w.) keluar menemui kamu (sekarang) nescaya baginda tidak tahu (kenal) satu apapun amalan-amalan yang baginda dan sahabat baginda pernah lakukan kecuali sembahyang sahaja. Al-Awzā'iyy berkata: Bagaimanakah keadaannya jika hari ini? 'Isā berkata: Bagaimanakah pula jika al-Awzā'iyy hidup pada zaman ini? Daripada Anas (r.a.) beliau berkata: Aku tidak nampak apa yang aku pernah lalui pada zaman Rasulullah (s.a.w.) kecuali ucapan kamu (*Lā Ilāha Illa Allāh*). Kami berkata: Benar wahai Abū Ḥamzah (Anas). Beliau berkata lagi: Kamu sembahyang sehingga matahari terbenam. Apakah itu sembahyang Rasulullah? Semuanya itu berlaku pada zaman permulaan Islam, maka bagaimana jika beliau

---

<sup>67</sup> Dusūqiy, Ibrāhim Dusūqiy (1987), *Da'wah Islamiyyah: 'Ilman Wa 'Amalan*, Kaherah: Ważārat al-Awqāf, h. 73-77.

<sup>68</sup> *Ibid.*

melihat kita pada zaman ini? Alangkah mustahaknya kita melaksanakan usaha nasihat, pengajaran dan peringatan yang baik. Sesungguhnya manusia memerlukan nasihat, pengajaran dan peringatan yang sentiasa mengingatkan mereka kepada tanggungjawab mereka, membetulkan kesalahan mereka serta membimbing mereka ke arah kesempurnaan hidup beragama di dunia maupun di akhirat.<sup>69</sup>

Kepentingan *al-maw'izah al-hasannah* terserlah apabila ditinjau dari sudut potensi jiwa manusia untuk berubah daripada jahat kepada baik. Terdapat sesetengah golongan yang mendakwa bahawa nasihat tidak mampu mengubah manusia yang jahat, dengan alasan bahawa akhlak manusia terdiri atas asas naluri dan tabiat yang tidak berubah. Antara mereka ialah sami-sami agama Hindu yang berpandangan bahawa kejahatan adalah tabiat atau *nature* kehidupan dan kehidupan ini adalah suatu najis yang tidak dapat disucikan kecuali dengan cara membebaskan diri daripada kehidupan ini, sama ada dengan cara meninggalkan kehidupan dan hidup secara zuhud atau menjadikan dirinya sebagai korban suci untuk tuhan. Di kalangan orang-orang Arab pula, orang yang berpendapat sedemikian ialah Abū al-'Alā al-Ma'arriy. Demikian juga sebilangan sarjana Barat seperti ahli falsafah Jerman Schopenhauer dan Kant, ahli falsafah Belanda Svenoza, ahli falsafah Perancis Levi Broll, ahli falsafah British Heoum dan lain-lain.<sup>70</sup>

---

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> *Ibid.*

Namun, Islam menolak anggapan sedemikian dan menyatakan bahawa akhlak buruk manusia boleh berubah menjadi baik. Hujah Islam adalah seperti berikut:

1. Manusia biasa yang berakal kadang-kadang tidak kekal atas suatu keadaan. Realiti menyaksikan perubahan manusia daripada baik dan taqwa kepada jahat, atau sebaliknya.
2. Terdapat manusia yang kekal atas suatu akhlak tertentu untuk tempoh yang cukup panjang, tiba-tiba berubah secara drastik kepada akhlak yang berlawanan sama sekali apabila mendengar nasihat yang baik atau selepas ditimpa apa-apa kejadian ke atasnya.
3. Binatang buas yang jahat, ganas dan liar telah mampu diubah menjadi jinak setelah menjalani suatu proses tarbiah dan latihan. Bagaimana kita mengingkari potensi akhlak atau tabiat manusia boleh berubah?
4. Perlakuan masyarakat Arab Jahiliah yang telah berubah setelah menerima risalah Islam juga menjadi bukti kebolehan akhlak dan tabiat manusia berubah daripada jahat kepada baik.<sup>71</sup>

Justeru, jelas dari keterangan tentang potensi manusia untuk berubah daripada jahat kepada baik menyerahkan peranan atau kepentingan *al-maw'izah al-ḥasanah* dalam dakwah. Usaha berterusan dari pihak pendakwah untuk menasihati manusia adalah satu jalan terbaik untuk mengubah manusia daripada kufur kepada iman, kejahatan kepada kebaikan dan perbuatan mungkar kepada perbuatan *ma'rūf*.<sup>72</sup>

---

<sup>71</sup> *Ibid.*

<sup>72</sup> *Ibid.*

### C. Contoh *al-Maw'izah al-Hasanah*

Sebagai contoh pelaksanaan *al-maw'izah al-hasanah*, elok diperhatikan suatu *al-maw'izah al-hasanah* yang telah disampaikan oleh Luqmān al-Hakīm kepada anaknya:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعْظِهُ يَا بْنَيٌّ لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنَّ الشَّرْكَ لَظُلْمٌ  
عَظِيمٌ ﴿13﴾

Surah *Luqmān* (31): 13.

Maksudnya:

Dan (ingatlah) ketika Luqmān berkata kepada anaknya, sambil dia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar".

Terjemahan surah *Luqmān* (31): 13.

Firman-Nya lagi:

يَا بُنَيٌّ إِنَّمَا أَنْهَاكُمُ الْمُتَّكِئُونَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي  
السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِي اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ﴿16﴾ يَا بْنَيٌّ  
اَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهِيِ الْمُنْكَرَ وَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكُ إِنَّ  
ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأَمْوَارِ ﴿17﴾ وَلَا تُصْعِرْ خَدَكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَنْهَشْ فِي  
الْأَرْضِ مَرَحَاً إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿18﴾ وَاقْصِدْ فِي  
مَشِيكٍ وَاغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْنَوَاتِ لَصَوْنَتُ الْحَمِيرِ ﴿19﴾

Surah *Luqmān* (31): 16-19.

Maksudnya:

(*Luqmān menasihati anaknya dengan berkata*): "Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat bijih sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalasNya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuanNya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi. "Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta larangkan daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya. "Dan

*janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri. "Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai".*

Terjemahan surah *Luqmān* (31): 16-19.

Dalam kata-katanya di atas (ayat 16), *Luqmān* bermaksud memberitahu anaknya tentang kedudukan Qudrat Allah (s.w.t.), dengan menyebut bahawa walaupun sebesar biji sawi, Allah (s.w.t.) pasti akan mengetahuinya. Sementara dalam ayat 17, *Luqmān* mewasiatkan anaknya dengan sebesar-besarnya perkara iaitu solat, *al-amr bi al-ma'rūf* dan *al-nahy 'an al-munkar*. Beliau bermaksud agar anaknya menuaikan ketataan dan meninggalkan kemungkaran. Itulah ketataan dan seluruh *fadīlah*.<sup>73</sup> Nasihat berikutnya yang diberikan oleh *Luqmān al-Ḥakīm* kepada anaknya ialah agar dia bersabar. Dalam ayat 18, nasihat yang dikemukakan ialah supaya anaknya tidak meninggi diri, bongkak dan berjalan di muka bumi dengan bongkak, sementara dalam ayat 19, ditekankan soal berjalan secara sederhana dan bercakap dengan suara yang rendah.

Keseluruhan apa yang dikehendaki oleh *Luqmān al-Ḥakīm* dalam kelompok nasihatnya ini ialah seperti apa yang dinukilkan oleh al-Imām al-Qurṭubiy (w671H), bahawa kemungkinan apa yang beliau kehendaki ialah sekelompok akhlak-akhlak yang mulia dan sifat-sifat utama golongan yang mahu melalui jalan menuju kesejahteraan.<sup>74</sup> Nasihat yang baik seumpama inilah yang dikehendaki dalam berdakwah kerana ia akan memberikan kesan yang positif

---

<sup>73</sup> Al-Qurṭubiy, *op. cit.* j. 14.

<sup>74</sup> *Ibid.*

dalam jiwa orang yang dinasihati. Sebaliknya kata-kata yang kesat akan menjauhkan jiwa mereka daripada kebaikan.

#### D. Pelaksanaan *al-Maw'izah al-Hasanah*

Dalam konteks zaman kini, sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Shaykh Ibrāhīm Dusūqiy di atas, peranan nasihat, pengajaran dan peringatan yang baik sangat penting, kerana manusia telah semakin jauh daripada zaman Nabi (s.a.w.). Jika zaman Nabi (s.a.w.) adalah sebaik-baik kurun atau generasi, dan dua generasi berikutnya merupakan zaman yang diiktiraf sebagai zaman *al-salaf al-soleh*, maka umat Islam kini yang berada pada kurun ke-15 ini sudah tentu berada pada suatu tahap penghayatan Islam yang amat longgar, sehingga Islam hanya tinggal nama sahaja, sementara *al-Qur'ān al-Karīm* pula hanya dijadikan perhiasan semata-mata.

Memandangkan umat Islam kini adalah lemah iman, banyak berdosa, jauh daripada akhlak Islam yang tulen, maka sudah tentu pendekatan dakwah menerusi *manhaj al-maw'izah al-ḥasanah* ini amat penting. Sekiranya nasihat diberikan secara kasar, diselang seli pula dengan kata caci atau maki hamun, sudah tentu mereka akan lari bertempiaran meninggalkan pendakwah.

Dalam pelaksanaan *manhaj* dakwah *al-maw'izah al-ḥasanah*, para pendakwah perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (1) Mengandungi tutur kata yang baik, perkataan yang berfaedah dan nasihat yang berguna. Kata-kata yang kesat atau yang menunjukkan kebodohan terhadap *mad'ū* hendaklah dijauhi sama sekali.
- (2) Mengandungi isi kandungan yang sesuai seperti cerita, pepatah, contoh-contoh kes lain, kata-kata hikmah pujangga juga termasuk ayat *al-Qur'ān al-Karīm* dan *ḥadīth* Nabi (s.a.w.) jika dirasakan perlu.

- (3) Mengandungi gaya bahasa yang berlapik apabila perlu, untuk menjaga perasaan orang yang dinasihati itu. Kiasan yang baik adalah wajar digunakan dalam usaha ini.
- (4) Disampaikan dengan nada suara yang lemah lembut, tidak tinggi macam mengherdik dan alunan suara yang lunak dan sederhana.
- (5) Penggunaan gantinama yang sesuai supaya *mad'ū* tidak terasa bahawa nasihat itu seolah-olahnya ditujukan hanya kepadanya semata-mata. Justeru, gantinama seperti “kita” adalah wajar digunakan, kerana “kita” menunjukkan kepada dua pihak; orang yang berbicara dan orang yang ditujukan bicara itu.
- (6) Mengandungi kata-kata yang menggambarkan faedah sesuatu amal atau keburukan sesuatu perkara, agar mudah difahami maksud di sebalik sesuatu nasihat sama ada ia adalah suruhan maupun larangan.

*Manhaj al-maw'iżah al-ḥasanah* adalah suatu *manhaj* dakwah yang baik, berkesan dan sesuai digunakan dalam banyak situasi dan terhadap pelbagai golongan sasaran dakwah. Ia wajar dilaksanakan oleh pendakwah menurut cara yang baik sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh para pendakwah terdahulu, iaitu para Nabi dan Nabi Besar Muhammad (s.a.w.). Kata-kata nasihat para Nabi dalam *al-Qur'an al-Karīm* sangat wajar diperhatikan dengan teliti untuk dikutip unsur-unsur kekuatan yang ada di dalam kata-kata nasihat itu, termasuk isi kandungannya, gaya bahasa dan lain-lain. Pelaksanaan *manhaj* ini di zaman moden ini amat penting memandangkan realiti kebanyakan umat Islam yang jahil terhadap Islam, sesuai dengan kenyataan bahawa agama Islam adalah agama nasihat.

### **1.3.3 MANHAJ AL-MUJĀDALAH AL-HUSNĀ**

#### **A. Pengertian *al-Mujādalah***

*Al-Mujādalah* adalah perkataan Arab dalam bentuk katanama terbitan (*māṣdar*) dari katakerja *jādala*, *yujādilu*, *jidālan* dan *mujādalatan* (*mujādalah*) yang bermaksud *khāṣama*<sup>75</sup>. Ia juga boleh diertikan sebagai *munāẓarah*<sup>76</sup>. Menurut *Lisān al-'Arab al-jadal* mengandungi beberapa pengertian seperti berikut:

- (i) ikatan yang kuat,
- (ii) satu bahagian tulang yang kuat,
- (iii) mengalah, dan
- (iv) suatu pertembungan hujah dengan hujah yang lain.<sup>77</sup>

Di dalam *al-Mu'jam al-Wasiṭ*, *al-jadal* diberikan maksud sebagai pertengkaran yang kuat.<sup>78</sup> *Al-Mujādalah* bolehlah diterjemahkan dalam bahasa Melayu sebagai perbahasan, perdebatan, perbincangan atau muzakarah secara mengemukakan hujah dan bukti yang menyokong pandangan yang diberikan. *Al-Husnā* pula berasal daripada perkataan *al-aḥsan* yang bererti yang terbaik<sup>79</sup>. Jadi *al-mujādalah al-husnā* bererti perdebatan atau perbahasan dengan cara yang terbaik.

*Al-Mujādalah al-husnā* dari segi istilah dakwah boleh difahami berdasarkan kupasan beberapa ulama muktabar. Al-Imām al-Alūsiy (w1270H) memberi pengertian *al-mujādalah al-husnā* sebagai perbincangan atau dialog

---

<sup>75</sup> 1960, *al-Mu'jam al-Wasiṭ*, Kaherah: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, h. 111.

<sup>76</sup> 'Ali 'Abd al-Halim (Dr.) (1990), *al-Da'wah llā Allāh*, al-Manṣūrah (Mesir): Dār al-Wafā', h. 181.

<sup>77</sup> Ibn Manzūr, *op. cit.* h. 104.

<sup>78</sup> *Al-Mu'jam al-Wasiṭ*, h. 111.

<sup>79</sup> Ibn Manzūr, *op. cit.* h. 270.

antara pendakwah dengan sasaran dakwah dengan menggunakan kata-kata yang lemah-lembut, rasa kasih sayang dan dengan cara yang termudah melalui saluran-saluran yang biasa digunakan untuk menyenangkan pihak sasaran menerima mesej yang hendak disampaikan.<sup>80</sup>

Ibn Khaldūn (732-808H) memberi erti *jadāl* sebagai rangkuman ilmu pengetahuan tentang adab-adab perbincangan yang berlaku di kalangan mazhab-mazhab. Orang-orang yang terlibat dalam *jadāl* ini akan memberikan hujah dan dalil di mana di dalam perdebatan tersebut akan ada pihak yang benar dan ada pihak yang salah.<sup>81</sup>

Menurut Syed Quṭb (1909-1966M), *al-mujādalah* bukanlah suatu cara untuk memburuk-burukkan peribadi seseorang. *Al-Mujādalah* dengan cara yang batil atau *bi al-sayyi'ah* akan menjatuhkan maruah seseorang. Para pendakwah seharusnya menjauhkan diri daripada melakukan helah semata-mata untuk mengalahkan sasaran dakwah semasa mengemukakan hujah. Apa yang penting ialah corak *mujādalah* yang berkesan yang dapat memberikan kepuasan, seterusnya *mad'u* dapat menerima kebaikan dengan mudah dan senang.<sup>82</sup>

Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān mengatakan bahawa *al-jadāl* dan *al-munāqashah* berlaku antara dua orang atau lebih, di mana setiap pihak mengemukakan pandangan atau pendapat masing-masing berdasarkan hujah terhadap apa yang mereka yakini.<sup>83</sup>

---

<sup>80</sup> Al-Alusi, *op. cit.* h. 254.

<sup>81</sup> Ibn Khaldūn (1984), *al-Muqaddimah*, Beirut: Dār al-Qalam, h. 365.

<sup>82</sup> Syed Quṭb, *op. cit.* h. 3202.

<sup>83</sup> Zaydān, Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān (1992), *Uṣūl al-Da'wah*, Kaherah, h. 478.

Kesimpulannya, para ulama sepakat menyatakan bahawa *al-mujādalah al-husnā* perlu dilaksanakan dengan cara terbaik, berlemah-lembut, mempunyai rasa kasih sayang serta menggunakan konsep memudahkan (*taysīr*)<sup>84</sup>. Atau dalam erti kata yang lain, *al-mujādalah al-husnā* hendaklah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- (i) Lemah-lembut dalam penyampaian hujah tanpa menggunakan kata-kata yang kasar, maki-hamun, sumpah seranah, ejekan atau sindiran atau perlian.
- (ii) Hujah yang bernalas, logik dan ilmiah tetapi mudah difahami, dengan memudahkan bahasa, gaya penyampaian dan pendekatan.
- (iii) Mempunyai perasaan hormat, malah rasa kasih sayang terhadap pihak sasaran, seraya mengharapkan agar mereka beroleh manfaat dan taufik hidayah hasil *mujādalah* tersebut.
- (iv) Mempunyai matlamat yang jelas untuk menegakkan kebenaran dan membatalkan kebatilan, bukannya untuk menang di pentas sahaja.

#### B. Kepentingan Dan Matlamat *al-Mujādalah al-Husnā*:

Kepentingan *al-Mujādalah al-Husnā* dalam usaha dakwah Islamiah sudah tidak dapat dipertikaikan lagi, justeru ianya adalah suatu *manhaj* dakwah yang telah digariskan oleh Allah (s.w.t.) dalam *al-Qur'ān al-Karīm* dan telah digunakan oleh para Nabi dan Rasul yang terdahulu juga para pendakwah yang mewarisi dakwah Islam. Untuk menanggapi kepentingan *al-mujādalah al-husnā* ini, harus disingkap apakah matlamat-matlamat yang boleh dicapai menerusi *manhaj* ini. Apabila

---

<sup>84</sup> Abū al-Su'ūd, *Tafsīr Abī al-Su'ūd* (t.th.), h. 200, al-Zamakhshari, *Tafsīr al-Kasyṣyāf* (t.th.), h. 435.

matlamat-matlamat ini dapat dicapai, baru dapat diselami peri mustahaknya *manhaj al-mujādalah al-ḥusnā* dipraktikkan dalam masyarakat manusia.

Dr. ‘Ali ‘Abdul Ḥalīm telah menggariskan beberapa matlamat *mujādalah* atau *munāẓarah*, iaitu:

(i) Menegakkan kebenaran dalam sesuatu isu tertentu yang mempunyai hubungkait dengan umat Islam, dan isu-isu yang mempunyai kepentingan tertentu dalam kehidupan mereka, berserta menegakkan hujah dan dalil secara hak.

(ii) Membatalkan hujah-hujah musuh yang memerangi Islam dan umat Islam, iaitu musuh yang menghalang kerja-kerja Islam dan yang mengadakan pelbagai halangan dalam amal Islami, dengan syarat pembatalan hujah ini dilakukan secara yang disarankan oleh Allah (s.w.t.) iaitu *bi allati hiya aḥsan* iaitu dengan cara yang terbaik.

(iii) Memperkayakan idea pemikiran dan ilmu pengetahuan serta memperdalamkannya di kalangan pendengar, dengan cara melontarkan isu-isu dan masalah-masalah yang masih terus menjadi titik perdebatan dan perbincangan di kalangan masyarakat, sehingga para pembahas sampai kepada suatu pendapat yang sahih dan bermanfaat.<sup>85</sup>

Dengan ini dapatlah difahami bahawa *al-mujādalah* atau *al-munāẓarah* bukanlah bertujuan untuk mencapai kemenangan peribadi atau puak atau kumpulan semata-mata, kerana kemenangan itu tidak memberikan apa-apa manfaat hakiki. Sebaliknya, ia bertujuan menegakkan kebenaran Islam,

---

<sup>85</sup> Dr. ‘Ali ‘Abdul Ḥalīm, *op. cit.* h. 181.

memberikan kefahaman Islam yang dipesongkan oleh musuh dan memelihara kesucian maruah Islam.

#### C. Sasaran *al-Mujādalah*:

Menurut al-Imām al-Alūsiy (w1270H) *manhaj al-mujādalah* sesuai dilaksanakan terhadap golongan yang suka melakukan perdebatan dan perbahasan, di samping kecenderungan mereka untuk mempertikaikan kebenaran dengan mengemukakan hujah yang batil. Golongan sebegini amat fanatik dengan kepercayaan sesat yang diwarisi daripada nenek-moyang mereka. Dalam keadaan yang demikian dan dengan sifat sedemikian hati mereka tidak mudah dilembutkan dengan kata-kata nasihat, peringatan dan kata-kata lembut. Sebaliknya, hujah-hujah yang kuat dan jitu perlu dikemukakan kepada mereka supaya dapat mematahkan pandangan mereka dan seterusnya dapat memberikan kesedaran kepada mereka tentang kesesatan mereka. Corak mujadalah sedemikian masih tidak terkeluar daripada *al-mujādalah al-ḥusnā*, kerana cara sedemikian sesuai dengan tabiat golongan tersebut. Sasaran dakwah yang termasuk dalam kumpulan ini ialah golongan ahli kitab, kaum musyrikin dan juga golongan munafik.<sup>86</sup>

Al-Imām al-Ghazzāliy (450H/1059M-505H/1111M) telah membahagikan sasaran dakwah kepada tiga golongan berdasarkan tiga *manhaj* ialah hikmah, *al-maw'izah al-ḥasanah* dan *al-mujādalah al-ḥusnā*. Berhubung *al-mujādalah al-ḥusnā*, beliau menetapkan bahawa golongan yang sesuai dengan *manhaj* ini ialah golongan yang menentang akidah.<sup>87</sup>

---

<sup>86</sup> Al-Alūsiy, *op. cit.* h. 254.

<sup>87</sup> Al-Ghazzāliy, Abū Ḥāmid al-Ghazzāliy (t.th.), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiyy, h. 41.

*Manhaj al-mujādalah al-ḥusnā* boleh digunakan dalam dakwah terhadap *ahl al-dzimmah*, *ahl al-hudnah*, *ahl al-amān* dan juga orang-orang yang tidak boleh diperangi dengan mata pedang. Ia juga boleh berlaku pada permulaan dakwah dan juga untuk menerangkan kebenaran dan menghapuskan kesangsian di hati manusia<sup>88</sup>, sebagaimana ia adalah *manhaj* dakwah untuk kaum musyrikin, *ahl al-kitab* dan juga golongan munafiqin. Dalam ertikata yang lain, bolehlah dianggap bahawa *manhaj al-mujādalah al-ḥusnā* ini sesuai untuk golongan yang keras kepala yang enggan menerima kebenaran kecuali dengan hujah yang jitu dan perdebatan yang tegas.<sup>89</sup>

#### D. Adab-adab *al-Mujādalah al-Ḥusnā* :

Al-Imām Abū al-Ḥasan al-Baṣriy ketika mengupas ayat 125, surah *al-Nahl*, beliau menyatakan bahawa ia merangkumi empat perkara:

- (i) Memberikan kemaafan.
- (ii) Menjaga perasaan dan hati pihak lawan serta tidak merendah-rendahkan pandangan mereka.
- (iii) Berhasrat mahu membimbing pihak lawan ke arah kebenaran dan tidak menghina mana-mana orang yang berkaitan mereka.
- (iv) Menurut kemampuan dan keupayaan pihak lawan<sup>90</sup>.

---

<sup>88</sup> Syer, Muḥammad Talat Abū Syer (Dr.) (1986), *al-Du‘āh ilā Allāh fi al-Qur’ān al-Karīm wa Manāhijuhūm*, Kaherah: Universiti Al-Azhar, h. 267.

<sup>89</sup> Sulaiman Ibrahim (1998), *Metodologi Dakwah Terhadap Non-Muslim Dalam al-Qur’ān: Sorotan Terhadap Manhaj Diskusi Dakwah Para Nabi (a.s.)*, dlm Dakwah Kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode Dan Pengalaman, eti. Abdul Ghafar Don dll, Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, UKM (Prosiding Bengkel Dakwah Non-Muslim Jun 1998), h. 5.

<sup>90</sup> Al-Āwardiy, Abū al-Ḥasan ‘Aliy ibn Muḥammad ibn Ḥabib al-Āwardiy al-Baṣriy (t.th.), *al-Nukat wa al-‘Uyūn Tafsīr al-Āwardiy*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘ilmīyyah, j. 3, h. 220.

Syed Quṭb (1909-1966M) telah menjelaskan beberapa keperluan ketika menggunakan *manhaj al-mujādalah al-husnā*. Antaranya ialah tidak merendahkan pihak yang diajak berbincang, apatah lagi menjatuhkan harga dirinya, sehingga dia merasa yakin dengan tujuan perbahasannya (*al-mujādalah*) bukan untuk mencari kemenangan dalam berhujah, tetapi untuk mencari kebenaran yang wajar difahami. Pendakwah mesti menjadikan matlamat perbincangan adalah semata-mata untuk menyerlahkan kebenaran yang sudah sedia menjadi fitrah kepada seluruh umat manusia. Dia juga harus tetap menampakkan perhargaan kepada pihak yang diajak berbincang kerana harga diri merupakan sesuatu yang amat bermilai dalam kehidupan seseorang. Perbahasan (*al-mujādalah*) tidak sepatutnya menimbulkan rasa kalah atau menang antara semua pihak yang terlibat, malah sewajarnya menimbulkan rasa manfaat yang tidak ternilai hasil daripada perbincangan itu.<sup>91</sup>

#### E. Bentuk-bentuk *al-Mujādalah al-Husnā*:

Berdasarkan ayat-ayat *al-Qur'ān al-Karīm* bolehlah dibahagikan *mujādalah* kepada dua jenis; *mujādalah* terpuji dan *mujādalah* tercela.

***Mujādalah* terpuji:** Iaitu *mujādalah* yang bertujuan untuk menegakkan kebenaran, sebagaimana firman Allah (s.w.t.) dalam *al-Qur'ān al-Karīm*:

وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ  
وَقُولُوا آمَّا بِالَّذِي أَنْزَلْنَا إِلَيْنَا وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ وَإِلَهُنَا وَإِلَهُكُمْ وَاحِدٌ وَنَحْنُ  
لَهُ مُسْلِمُونَ ﴿46﴾

Surah *al-Ankabūt* (29): 46.

Maksudnya:

Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku

<sup>91</sup> Syed Quṭb, *op. cit.* j. 4, h. 2202.

*zalim di antara mereka; dan katakanlah (kepada mereka): "Kami beriman kepada (al-Qur'ān) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah Satu; dan kepadaNyalah, kami patuh dengan berserah diri."*

Terjemahan surah al-'Ankabūt (29): 46.

Kebenaran *mujādalah* dengan ahli Kitab dalam ayat ini adalah harus, sepetimana kata Mujahid, iaitu *mujādalah* dengan cara yang terbaik, iaitu dengan makna menyeru mereka kepada agama Allah 'Azza wa Jalla dan mengingatkan mereka tentang hujah-hujah Allah dan tanda-tanda kebesaran-Nya, dengan harapan mereka akan beriman, bukannya *mujādalah* dengan cara mengeluarkan kata-kata kasar dan kesat. Ada juga yang berpendapat, makna ayat ini ialah jangan kamu *mujādalah* dengan ahli Kitab yang telah beriman seperti 'Abdullah ibn Salām dan lain-lain.<sup>92</sup> Walau apapun perbincangan mengenai ayat di atas, kesimpulan yang dapat dibuat ialah *mujādalah* dalam konteks yang dinyatakan oleh ayat tersebut adalah *mujādalah* yang tidak tercela.

***Mujādalah tercela:*** Iaitu *mujādalah* untuk menolak dan memesongkan kebenaran. Banyak ayat-ayat *al-Qur'ān al-Karīm* yang menyentuh *mujādalah* tercela yang dilakukan oleh golongan kafir yang ingkar. Di antaranya ialah firman Allah (s.w.t.) dalam *al-Qur'ān al-Karīm*:

وَمِنْهُمْ مَنْ يَسْتَمِعُ إِلَيْكَ وَجَعَلْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ أَكْثَرَهُ أَنْ يَقْفَهُهُ وَفِي  
آذَانِهِمْ وَقَرَا وَإِنْ يَرَوْا كُلُّ آيَةٍ لَا يُؤْمِنُوا بِهَا حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوكَ يُجَادِلُوكَ  
يَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ هَذَا إِلَّا أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ ﴿25﴾

Surah *al-Anām* (6): 25.

Maksudnya:

*Dan di antara mereka ada yang mendengarkanmu (membaca *al-Qur'ān*), pada hal Kami telah jadikan tutupan berlapis-lapis atas hati mereka, yang menghalang mereka daripada memahaminya,*

<sup>92</sup> Al-Qurtubiy, *op. cit.* j. 15,

*dan Kami jadikan pada telinga mereka penyumbat (yang menjadikan mereka pekak); dan kalaupun mereka melihat tiap-tiap keterangan (dan mukjizat yang membuktikan kebenaran Rasul), mereka tidak juga akan beriman kepada keterangan itu; sehingga apabila mereka datang kepadamu, sambil membantahmu, berkatalah orang-orang yang kafir itu: "Ini tidak lain hanyalah cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu".*

Terjemahan surah *al-Anām* (6): 25.

Allah (s.w.t.) menjelaskan dalam ayat di atas bahawa orang-orang kafir Quraisy yang telah datang kepada Nabi Muhammad (s.a.w.) untuk berdebat dengan baginda adalah orang-orang yang telah ditutup hati mereka berlapis-lapis sehingga segala hujah ayat-ayat *al-Qur'ān al-Karīm* yang dibacakan oleh Nabi Muhammad (s.a.w.) tidak mampu mereka fahami dan di telinga mereka pula dibubuh penyumbat yang menyebabkan mereka pekak tidak dapat mendengar.

Maksud *mujādalah* dalam ayat tersebut ialah berhujah dan berdebat dalam soal al-haq dengan perkara batil. Mereka berkata apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad (s.a.w.) hanyalah cerita dongeng orang-orang dahulukala yang diambil daripada kitab orang-orang terdahulu. Menurut al-Suhayliy, semua kata-kata tentang *asāfir al-awwalin* (cerita-cerita dongeng orang dahulukala) dalam *al-Qur'ān al-Karīm* adalah dakwaan al-Naqr ibn al-Hārith ibn Kaldah.<sup>93</sup> Dengan ini, jelas *mujādalah* dalam ayat ini yang mendapat kutukan Allah (s.w.t.) adalah *mujādalah* yang dilakukan secara batil, dengan cara berhujah batil untuk mengalahkan kebenaran Islam.

Contoh *mujādalah* lain yang tercela ialah firman Allah (s.w.t.) dalam *al-Qur'ān al-Karīm*:

---

<sup>93</sup> Al-Šābūniy, Muhammed 'Aliy Al-Šābūniy (t.th.), *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*, Beirut: Dār al-Qur'ān al-Karīm, Beirut.

وَقَالُوا أَلَّا هُنَّا خَيْرٌ أُمُّهُو مَا ضَرَبْتُهُ لَكَ إِلَّا جَدَلًا بَلْ هُمْ قَوْمٌ  
خَصِيمُونَ (58)

Surah al-Zukhruf (43): 58.

Maksudnya:

Dan mereka berkata lagi: "Manakah yang lebih baik, benda-benda yang kami sembah atau dia ('Isā)?". (Sebenarnya) mereka tidak mengemukakan perbandingan itu kepadamu (wahai Muhammad) melainkan kerana membantah semata-mata (bukan kerana mencari kebenaran); bahkan mereka itu adalah kaum yang suka sekali mengemukakan bantahan.

Terjemahan surah al-Zukhruf (43): 58.

Menurut tafsir al-Qurtubiy (w671H), mereka tidak memberikan perbandingan atau perumpamaan tersebut kecuali kerana mahu berdebat, bahkan mereka itu adalah kaum yang suka sekali mengemukakan bantahan secara batil. Tersebut dalam Ṣaḥīḥ al-Tirmidhiy daripada Abū Umāmah, bahawa Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

مَا ضلَّ قَوْمٌ بَعْدَ هُدًى كَانُوا عَلَيْهِ إِلَّا أُوتُوا الْجَدَلَ، ثُمَّ ظَاهَرَ رَسُولُ اللهِ  
صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذِهِ الْآيَةُ :

Maksudnya:

Sesuatu kaum itu tidak sesat setelah mendapat hidayah yang mereka perolehi kecuali apabila mereka ditimpa jadil (debat secara batil), kemudian baginda Rasulullah (s.a.w.) membaca ayat ini:

مَا ضَرَبْتُهُ لَكَ إِلَّا جَدَلًا بَلْ هُمْ قَوْمٌ خَصِيمُونَ (58)

Surah al-Zukhruf (43): 58.

Maksudnya:

Dan mereka tidak mengemukakan perbandingan itu kepadamu (wahai Muhammad) melainkan kerana membantah semata-mata (bukan kerana mencari kebenaran); bahkan mereka itu adalah kaum yang suka sekali mengemukakan bantahan.<sup>94</sup>

Terjemahan surah al-Zukhruf (43): 58.

<sup>94</sup> Al-Qurtubiy, op. cit. juz 16, h. 220. Lihat *Tafsir al-Tabariy*, op. cit. juz 15, h. 110. Hadith pula adalah ḥadīth ḥasan dikeluarkan oleh al-Imām Ibn Mājah, Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Yazid (2000), *Sunan Ibn Mājah bi-Syarḥ Abī al-Ḥasan al-Hanafiy al-Sanadīy*, dalam *kitāb al-Muqaddimah*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, j. 1, h. 37.

Seterusnya Allah (s.w.t.) berfirman lagi dalam *al-Qur'an al-Karim*:

وَمِنْ النَّاسِ مَنْ يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَبَعُ كُلَّ شَيْطَانٍ مَرِيدٍ (٣)

Surah *al-Hajj* (22): 3.

Maksudnya:

Dan ada di antara manusia yang membantah perkara-perkara yang berhubung dengan Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan, dan dia menurut tiap-tiap syaitan yang telah sebat dengan kejahatan.

Terjemahan surah *al-Hajj* (22): 3.

Berdasarkan ayat-ayat di atas, jelas *mujādalah* yang dibentangkan itu adalah tercela, kerana Allah (s.w.t.) menyebutnya dalam bentuk celaan.

#### F. Contoh-contoh *al-Mujādalah al-Ḥusnā* dalam *al-Qur'an*:

Di dalam *al-Qur'an al-Karim* terdapat 16 tempat yang menyebut *al-mujādalah* yang berasaskan kata entri *jādala*<sup>95</sup>. Berikut, diberikan beberapa contoh *al-mujādalah al-ḥusnā* yang dirakamkan oleh Allah (s.w.t.) di dalam *al-Qur'an al-Karim*. Antaranya ialah:

**Contoh Satu: *Mujādalah* Nabi Ibrāhīm (a.s.).** Kaum Nabi Ibrāhīm adalah penyembah bintang-bintang dan planet-planet, dan mereka telah menjadikan berhala-berhala dan patung-patung sebagai objek (jelmaan atau simbolik kepada bintang tersebut). Oleh kerana itu, Ibrāhīm telah mengingkari sembahannya mereka, dan menolak debatan mereka terhadap baginda setelah baginda diberikan hidayah oleh Allah kepada *al-haq*, dan baginda telah mengemukakan hujah-hujah fitrah yang mana baginda sendiri telah beroleh hidayah melalui hujah fitrah tersebut<sup>96</sup>.

<sup>95</sup> *Al-Mu'jam al-Wasiṭ*, h. 194.

<sup>96</sup> Syer, *op. cit.* h. 75.

Menghadapi kaum yang menyembah bintang dan planet dan menjadikan berhala dan patung sebagai perantaraan adalah suatu tugas besar dan amat sukar. Nabi Ibrāhīm (a.s.) telah berfikir secara serius bagaimanakah mungkin baginda (a.s.) meyakinkan kaumnya yang memang amat teguh berpegang kepada agama nenek moyang mereka.

Nabi Ibrāhīm (a.s.) telah menghadapi kaum baginda dengan cara *munājāt* *dhātiyyah* yang dicetuskan menerusi bicara hati, dan baginda telah mencari jalan bagaimanakah cara mencetuskan fikiran berhubung keadaan yang berlaku kepada kaum baginda, agar akhirnya mereka dapat sampai bersamanya kepada suatu hakikat yang sahih yang baginda telah memperolehinya<sup>97</sup>.

Justeru itu, lahirlah idea untuk mengutarakan debat logikal terhadap kaumnya berhubung siapakah Tuhan pencipta alam ini. Firman Allah (s.w.t.):

فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ اللَّيلُ رَأَى كَوْكَبًا قَالَ هَذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَا أَحْبُّ  
الآفَلَيْنَ (76) فَلَمَّا رَأَى الْقَمَرَ بَازِغًا قَالَ هَذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَئِنِّي لَمْ  
يَهْدِنِي رَبِّي لَا كُوئَنَّ مِنْ الْقَوْمِ الضَّالِّينَ (77) فَلَمَّا رَأَى الشَّمْسَ بَازِغَةً  
قَالَ هَذَا رَبِّي هَذَا أَكْبَرُ فَلَمَّا أَفَلَتْ قَالَ يَا قَوْمِ إِنِّي بَرِيءٌ مِمَّا تُشَرِّكُونَ  
(78) إِنِّي وَجَهْتُ وَجْهِي لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا  
مِنِ الْمُشْرِكِينَ (79)

Surah *al-An'ām* (6): 76-79.

Maksudnya:

Dan apabila malam berlabuh, dia melihat bintang. Dia berkata ini adalah Tuhanku. Apabila ia hilang, dia berkata aku tidak suka orang (tuhan-tuhan) yang hilang [76] Maka apabila dia melihat bulan menyerlah nyata, dia berkata inilah Tuhanku. Apabila ia hilang, dia berkata: Jika Tuhanku tidak memberikan aku hidayah, nescaya aku akan menjadi orang-orang sesat [77] Apabila dia melihat matahari terserlah nyata dia berkata inilah Tuhanku. Inilah

<sup>97</sup> Syer, op. cit. h. 265 dan Muhammad Husayn FaḍlulLāh (1972), *Uslūb al-Da'wah fī al-Qur'ān*, Beirut: Dār al-Zahrā', h. 85-86.

*Tuhan yang maha besar. Apabila dia hilang, dia berkata: Wahai kaumku sesungguhnya aku berlepas diri daripada apa yang kamu syirikkan [78] Sesungguhnya aku menghadapkan wajahku ke arah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi dalam keadaan menyucikan dan tiadalah aku tergolong dalam golongan musyrik [79].*

Terjemahan surah *al-An'ām* (6): 76-79.

Ayat ini menggambarkan dialog yang berlaku antara Ibrāhīm dan kaumnya ketika baginda menggunakan *uslūb* ‘pencairan diri’ (الاستدراج والمحاراة) dalam pemikiran masyarakat sehingga mereka dapat melihat sendiri kebatilan akidah mereka. Baginda membentangkan perihal kelemahan beberapa buah bintang atau planet dan menunjukkan kepada kaumnya bahawa bintang-bintang tersebut tidak berhak disembah kerana mereka hilang dan lenyap sedangkan Tuhan Yang Haq suci daripada sifat kelemahan itu. Setelah itu, tibalah masanya untuk baginda mengisyiharkan kebenaran dan mengiklankan akidahnya yang diimaninya dan mengisyiharkan perlepasan tanggungjawabnya daripada dosa akibat perbuatan mereka mensyirikkan Allah.<sup>98</sup> Demikian Nabi Ibrāhīm melalui suatu metode yang paling mantap dalam perdebatan dan penghujahan idea, demi menegakkan hujah kebenaran Allah dan menghancurkan syirik; kebatilannya dan syubhat-syubhatnya.<sup>99</sup>

Seterusnya berlaku *mujādalah* antara Nabi Ibrāhīm (a.s.) dengan Raja Namrud, sebagaimana yang dirakamkan dalam *al-Qur'ān al-Karīm*:

اَلْمَرْ تَرَ إِلَى الَّذِي حَاجَ إِبْرَاهِيمَ فِي رَبِّهِ اَنْ آتَاهُ اللَّهُ الْمُنْكَرِ اِذْ قَالَ  
إِبْرَاهِيمُ رَبِّي الَّذِي يُخْبِي وَتَبْيَسْتَ قَالَ اأَنَا أَخْبِي وَأَمِيتُ قَالَ إِبْرَاهِيمُ فَإِنْ

<sup>98</sup> Barakah, 'Abd al-Ghaniy Muhammad Sa'd Barakah (Dr.) (1983), *Uslūb Al-Da'wah al-Qur'āniyyah: Balāghatan Wa Minhājan*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 321.

<sup>99</sup> Al-Madkhaliy, Rabi' ibn Hādi (Dr.) (1994), *Manhaj al-Anbiyā' fī al-Da'wah ilā Allāh*, Syāriqah (Saudi): Dār al-Faṭḥ, h. 55.

اللَّهُ يَأْتِي بِالشَّمْسِ مِنَ الْمَغْرِبِ فَأَتَ بِهَا مِنَ الْمَغْرِبِ فَهِيَ كُفَّارٌ  
وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ (258)

Surah *al-Baqarah* (2): 258.

Maksudnya:

*Apakah engkau tidak melihat orang yang berdebat dengan Ibrāhīm tentang Tuhananya, bahwa Allah telah mengurniakannya kerajaan (kekuasaan), ketika mana Ibrāhīm berkata Tuhanku Dialah Tuhan yang menghidupkan dan mematikan. Dia berkata: Akupun boleh menghidupkan dan mematikan. Ibrāhīm berkata: Maka sesungguhnya Allah telah menerbitkan matahari daripada timur, maka terbitkan olehmu akan matahari itu daripada barat, maka terloponglah orang yang telah kufur itu. Dan sesungguhnya Allah tidak akan memberikan hidayah kepada kaum yang zalim.*

Terjemahan surah *al-Baqarah* (2): 258.

Dalam *mujādalah* ini terserlah kekuatan hujah Nabi Ibrāhīm (a.s.) dan kedungan hujah lawan.<sup>100</sup> Logik Nabi Ibrāhīm ternyata amat bernas dan tajam sehingga lawannya terdiam dan terlopong tidak mampu berkata apa-apa lagi.

*Mujādalah* seterusnya berlaku antara Ibrāhīm dan kaumnya ketika mereka menuduhnya memecahkan berhala-berhala tuhan mereka. *Mujādalah* tersebut di rakamkan oleh *al-Qur'ān al-Karīm*:

قَالُوا أَلَّا تَفْعَلْ هَذَا بِالْهَيْثَا يَا إِبْرَاهِيمَ (62) قَالَ بَلْ فَعَلَةَ كَبِيرُهُمْ هَذَا  
فَاسْأَلُوهُمْ إِنْ كَانُوا يَنْطَقُونَ (63) فَرَجَحُوا إِلَى أَنفُسِهِمْ فَقَالُوا إِنَّكُمْ أَنْتُمُ  
الظَّالِمُونَ (64) ثُمَّ نُكَسُوا عَلَى رُءُوسِهِمْ لَقَدْ عَلِمْتَ مَا هُوَ لَاءٌ يَنْطَقُونَ  
قَالَ أَتَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكُمْ شَيْئًا وَلَا يَضُرُّكُمْ  
أَفَلَمْ وَلِمَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَفَلَا تَقْلِيلُونَ (66)  
أَفَ لَكُمْ وَلِمَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَفَلَا تَقْلِيلُونَ (67)

Surah *al-Anbiā'* (21): 62-67.

Maksudnya:

(Kaumnya bertanya) Apakah engkau yang melakukan perbuatan ini (memecahkan berhala) terhadap tuhan-tuhan kami wahai Ibrāhīm? Dia berkata bahkan yang memecahkan mereka ialah berhala yang terbesar ini, maka tanyalah dia jika mereka (tuhan berhala itu) berbicara. Lantas mereka menghisab diri mereka sendiri dan berkata: Sesungguhnya kamu lah yang zalim! Kemudian mereka

<sup>100</sup> *Ibid*, h. 57-58.

*mengangkat kepala mereka dan berkata: Bukankah engkau sudah mengetahui bahawa mereka (berhala) tidak boleh bercakap? Dia (Ibrāhīm) berkata: Apakah kamu menyembah Tuhan selain Allah yang tidak mampu memberikan kamu manfaat dan mudarat? Celakalah bagi kamu dan bagi tuhan yang kamu sembah selain Allah. Apakah kamu tidak berakal?*

Terjemahan surah *al-Anbiyā'* (21): 62-67.

Begitulah *mujādalah* logik yang cukup bernes yang telah digunakan oleh Nabi Ibrāhīm (a.s.) dalam menundukkan hujah orang-orang yang ingkar dan degil. Namun ternyata *mujādalah* tersebut, sekalipun mampu menyedarkan mereka akan kebatilan sembahannya kepada berhala, namun keangkuhan dan kesombongan telah menyebabkan mereka enggan menerima. Perkara yang penting di sini ialah, bagaimana *mujādalah* Ibrāhīm telah berjaya mengugat mereka sehingga mereka terdiam dan menghitung kembali apa yang dikatakan oleh Ibrāhīm. Natijahnya, mereka saling menyalahkan antara satu sama lain dengan tuduhan zalim.<sup>101</sup>

Mereka membalas kata-kata Ibrāhīm yang meminta mereka bertanyakan berhala yang besar itu agar memberitahu mereka siapakah yang memecahkan berhala-berhala lain: Bukankah engkau sudah mengetahui bahawa mereka (berhala) tidak boleh bercakap? Kenapa kamu meminta kami bertanya kepada mereka? Apakah kamu bertujuan menyindir Tuhan kami dan mempersenda-sendakan sembahannya kami? Apabila Ibrāhīm mengetahui bahawa hujah tidak mampu menyedarkan mereka, dia berkata kepada mereka dengan *us/üb* meluat: Celakalah bagi kamu dan bagi tuhan yang kamu sembah selain Allah. Apakah kamu tidak berakal? Iaitu apakah kamu tidak tahu nilai hujah dan bukti?<sup>102</sup>

<sup>101</sup> Sulaiman Ibrahim, *op. cit.* h. 11.

<sup>102</sup> Al-'Adawiy, Muhammad Ahmad (1935), *Da'wah al-Rusul ilā Allāh Ta'alā*, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābiy al-Ḥalabiy, h. 54-55.

**Contoh dua: *Mujādalah* Nabi Nūḥ (a.s.).** Banyak *mujādalah* Nabi Nūḥ (a.s.) yang dirakamkan oleh *al-Qur'an al-Karīm*, antaranya ialah firman Allah (s.w.t.):

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَيْ قَوْمِهِ فَقَالَ يَا قَوْمِ اغْبُرُوا اللَّهُ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ  
إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابٌ يَوْمٌ عَظِيمٌ ﴿59﴾ قَالَ الْمُلَأُ مِنْ قَوْمِهِ إِنَّا لَنَرَاكَ  
فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿60﴾ قَالَ يَا قَوْمِ لَنِسْ بِي ضَلَالَةً وَلَكُنْتَ رَسُولًا مِنْ رَبِّ  
الْعَالَمِينَ ﴿61﴾ أَبْلَغُكُمْ رِسَالَاتِ رَبِّي وَأَنْصَحُ لَكُمْ وَأَغْلَمُ مِنَ اللَّهِ مَا لَا  
يَعْلَمُونَ ﴿62﴾ أَوْ عَجِيزُمْ أَنْ جَاءَكُمْ ذِكْرٌ مِنْ رَبِّكُمْ عَلَى رَجُلٍ مِنْكُمْ  
لِيُنذِرُكُمْ وَلَتَشْعُرُوا وَلَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ ﴿63﴾

Surah *al-A'rāf* (7): 59-63.

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nūḥ kepada kaumnya, lalu dia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah. Tiada Tuhan selain-Nya. Sesungguhnya aku bimbang azab hari yang agung akan menimpa kamu [59] Pemuka-pemuka kaumnya berkata: Sesungguhnya kami melihat engkau berada dalam kesesatan yang nyata [60] Dia berkata: Wahai kaumku! Tidak ada bersamaku kesesatan, tetapi aku adalah Rasul daripada Tuhan semesta alam [61] Aku menyampaikan risalah Tuhan dan aku menasihati kamu dan aku mengetahui daripada Tuhan apa-apa yang kamu tidak mengetahui [62] Apakah kamu merasa pelik bahawa peringatan Tuhan kamu datang kepada kamu menerusi seorang lelaki dari kalangan kamu, supaya dia memberikan peringatan dan supaya kamu bertaqwa dan mudah-mudahan kamu mendapat rahmat [63].

Terjemahan surah *al-A'rāf* (7): 59-63.

Demikian juga *mujādalah* yang dipaparkan oleh surah *Hūd* (26-36), yang juga berkisar tentang persoalan pengutusannya sebagai Rasul, seruannya agar kaumnya menyembah Allah semata-mata, dan juga tentang azab yang bakal menunggu jika mereka ingkar. Sementara kaumnya pula menolak seruan Nūḥ kerana merasa tidak logik Allah mengutuskan seorang manusia yang serupa dengan mereka sebagai Rasul, lantas menghina para pengikutnya yang rata-rata terdiri daripada orang-orang yang hina dalam masyarakat kaum Nūḥ waktu itu.

Demikian logik kaum kafir. Alangkah ajaibnya keadaan mereka, di mana mereka menolak manusia sebagai Rasul utusan Allah dan sebaliknya menerima batu sebagai Tuhan.<sup>103</sup>

Contoh yang terbaik juga untuk melihat *mujādalah* Nabi Nūḥ terhadap kaum baginda ialah apa yang dipaparkan oleh surah *Nūḥ*, yang mana seluruh isi kandungan surah ini mencatatkan *mujādalah* Nūḥ yang tidak pernah mengenal erti putus asa, di mana dia mengadu kepada Allah bagaimana dia telah berusaha menyeru kaumnya agar menyembah Allah (s.w.t.) tetapi gagal. Dakwah Nabi Nūḥ (a.s.) dan *mujādalah* baginda adalah antara dakwah contoh yang harus menjadi ikutan para pendakwah moden hari ini.

Justeru banyaknya *mujādalah* Nabi Nūḥ (a.s.) terhadap kaumnya, kaumnya telah mempertikaikan keadaan ini. Ini dirakamkan oleh *al-Qur'ān al-Karīm*:

قَالُوا يَا نُوحُ قَدْ جَادَلْنَا فَأَكْثَرْنَا جَدَّلَنَا فَأَنْتَ بِمَا تَعْدُنَا إِنْ كُنْتَ مِنَ  
الصَّادِقِينَ ॥ 32 ॥ قَالَ إِنَّمَا يَأْتِيُكُمْ بِهِ اللَّهُ إِنْ شَاءَ وَمَا أَتْمَمْ  
بِمُعْجِزِينَ ॥ 33 ॥

Surah *Hūd* (11): 32-33.

Maksudnya:

*Mereka berkata: "Wahai Nūḥ! Sesungguhnya engkau telah bertikam lidah membantah kami lalu engkau banyakkan sangat hujah-hujah semasa mengemukakan bantahanmu kepada kami; oleh itu, datangkanlah azab Allah yang engkau janjikan kepada kami, jika betul engkau dari orang-orang yang benar "Nabi Nūḥ menjawab: "Sesungguhnya Allah jualah yang akan mendatangkan azab-Nya itu kepada kamu jika dia kehendaki, dan kamu tidak sekali-kali akan dapat melemahkan kuasa Allah".*

Terjemahan surah *Hūd* (11): 32-33.

Dalam ayat ini, jelas sekali bagaimana kaum Nabi Nūḥ merasai kegelisahan kesan dari *mujādalah* yang dilakukan oleh Nabi Nūḥ (a.s.). Dari segi

<sup>103</sup> Al-'Adawiy, *op. cit.* h. 7.

natijah, memang Nabi Nūḥ tidak mampu menarik ramai kaum baginda memeluk agama Allah, sehingga anak baginda sendiri enggan menurut nasihat baginda. Ini Namun, ini tidak langsung menjelaskan kredibiliti *mujādalah* sebagai metode dakwah, terutamanya terhadap golongan yang ingkar dan sempit dada.<sup>104</sup>

#### G. *Al-Mujādalah al-Ḥusnā* Dalam Konteks Dakwah Kini

Dalam konteks dakwah di zaman moden ini, kepentingan *manhaj al-mujādalah al-ḥusnā* boleh dilihat dari dua aspek; dakwah kepada non-Muslim dan dakwah kepada masyarakat Muslim.

Dalam konteks dakwah kepada non-Muslim, didapati tugas melaksanakan dakwah di zaman moden adalah suatu perkara yang tidak kurang susahnya berbanding zaman dahulu, terutamanya bila berhadapan dengan golongan manusia yang berpelajaran tinggi serta berfahaman material semata-mata. Sebahagian besar manusia zaman moden ini meminta segala sesuatu yang didakwahkan itu mesti disertakan hujah dan bukti secara saintifik sebelum mereka bersedia menerimanya. Justeru, *manhaj al-mujādalah al-ḥusnā* ini masih terus relevan pada zaman ini dan fungsinya amat nyata sekali dalam menundukkan manusia agar menerima hakikat kebenaran.

Di antara persoalan utama yang berterusan memerlukan *manhaj al-mujādalah al-ḥusnā* ini ialah persoalan ketuhanan. Sehingga kini, masih terlalu ramai manusia yang meragui tentang kewujudan tuhan di mana mereka meminta pendakwah Muslim supaya memberikan bukti-buktinya secara saintifik tentang wujudnya tuhan. Di sinilah letaknya kepentingan *manhaj al-mujādalah al-ḥusnā*.

---

<sup>104</sup> Sulaiman Ibrahim, *op. cit.* h. 7.

untuk menghadapi golongan seumpama ini, di samping mengemukakan hujah-hujah yang bernalas, logik dan saintifik.

Sementara dari aspek dakwah kepada Muslim pula, *manhaj al-mujādalah al-ḥusnā* juga amat penting dan terus relevan sebagai suatu *wasīlah* ke arah memantapkan kefahaman umat Islam yang seringkali diganggu gugat oleh serangan pelbagai isme Barat yang merosakkan umat Islam. Di antara isu-isu utama yang umat Islam seringkali terkeliru ialah seperti isu Negara Islam, pelaksanaan hukum hudud, isu-isu kewanitaan dan lain-lain. Isu-isu seumpama ini harus diperjelaskan secara ilmiah dan jelas agar segala kekeliruan yang timbul dapat dihapuskan. Justeru, mempertahankan sesuatu atau menolaknya memerlukan hujah yang jitu, bernalas dan logik dan memerlukan penyampaian dengan cara yang terbaik.

*Al-mujādalah al-ḥusnā* tidak bererti mesti diadakan suatu majlis perdebatan terbuka dengan dihadiri oleh kedua-dua pihak yang bertelagah. *Al-mujādalah al-ḥusnā* boleh dilaksanakan secara berasingan tanpa dihadiri oleh kedua-dua pihak, seperti berhujah menerusi penulisan buku, rencana di akhbar atau artikel di majalah, atau pidato di masjid, ceramah umum dan lain-lain. Perkara yang penting dilakukan oleh para pendakwah ialah mengemukakan dalil dan hujah untuk menerangkan sesuatu kebenaran berhubung Islam.

Di antara contoh *al-mujādalah al-ḥusnā* yang berlaku ialah seumpama perdebatan yang dilakukan oleh tokoh pemikir Islam terkemuka Prof. Muḥammad Quṭb dalam bentuk penulisan buku-buku yang secara langsung memperdebatkan kekeliruan Barat terhadap Islam dengan mengemukakan hujah yang akhirnya dapat menundukkan Barat atau paling kurang menyelamatkan umat Islam daripada terpengaruh dengan idea-idea karut Barat. Sebagai contoh, beliau telah

menyerang balas salah faham Barat terhadap Islam dalam bukunya yang sangat masyhur *al-Syubuhāt Hawl al-Islām*<sup>105</sup> yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dengan judul *Salah Faham Terhadap Islam*.<sup>106</sup>

Perdebatan juga telah berlaku antara tokoh Islam al-Saykh Ahmad Dīdat dengan beberapa orang tokoh agama Kristian. Pendekatan ilmiah Syaykh Ahmad Dīdat telah berjaya membongkar kepalsuan agama Kristian berhubung isu-isu berkaitan dengan ketuhanan, kenabian Nabi ‘Isā (a.s.) dan lain-lain yang diputarbelitkan oleh pendeta-pendeta agama Kristian selama ini.

Perdebatan ilmiah juga pernah berlaku di antara Kassim Ahmad yang meragui kedudukan *hadīth-hadīth* Nabi dengan beberapa orang tokoh ulama tanahair. *Munāzarah* atau *mujādalah* ini telah berjaya menyingkap beberapa kekeliruan yang dilakukan oleh Kassim Ahmad berhubung *hadīth-hadīth* Nabi (s.a.w.), walaupun beliau terus berdegil enggan menerima hakikat ilmiah dan hujah kebenaran, namun orang ramai telah terselamat daripada terjebak ke dalam kekeliruan yang dilakukan olehnya.

Dalam konteks perdebatan sesama umat Islam di Malaysia selalu terdengar ura-ura Muzakarah PAS-UMNO. Antaranya ialah ura-ura yang timbul pada awal tahun 2001 apabila isu Fatwa Haji Hadi kembali meledak di dada-dada akbar utama di Malaysia.<sup>107</sup> Walaupun ura-ura ini sudah terlalu kerap diutarakan dan digembar-gemburkan, malangnya ia selalu tertangguh. Terbaru, pada 2004, satu forum pernah diadakan antara wakil UMNO, wakil PAS dan wakil akademik

---

<sup>105</sup> Quṭb, Muhammad Quṭb, *Syubuhāt Hawl al-Islām*, Beirut: Dar al-Shorouk.

<sup>106</sup> Quṭb, Muhammad Quṭb, *Salah Faham Terhadap Islam*, terj. Yusuf Zaki Yaakob, Pustaka Dian, Kota Bharu Kelantan.

<sup>107</sup> Sebagai contoh, lihat Mingguan Malaysia, 6, 8 April, 2001.

dalam TV1. Muzakarah seumpama ini amat patut diadakan memandangkan perselisihan kedua-dua parti politik yang mewakili majoriti orang Melayu itu telah sampai ke kemuncaknya, yang jika dibiarkan mungkin akan membawa kepada perpecahan yang lebih teruk lagi dan perpecahan ini hanya akan merugikan umat Islam sahaja. Berdasarkan arahan ayat 125 surah *al-Nahl*, muzakarah PAS-UMNO hendaklah diadakan dengan mematuhi adab-adab *al-mujādalah al-ḥusnā* yang telah diterangkan agar ia mampu mencapai matlamat yang diharapkan, iaitu menghilangkan kekeliruan yang didakwa oleh kedua-dua pihak terbabit.

#### 1.4 KESIMPULAN

*Manhaj* dakwah Islamiah yang berpandukan kepada anjuran wahyu; *al-Qur'ān al-Karīm* dan al-Sunnah terdiri daripada beberapa perkara utama antaranya ialah *manhaj al-hikmah*, *al-maw'iẓah al-ḥasanah* dan *al-mujādalah bi al-ḥusnā* sebagaimana yang telah digariskan oleh ayat 125 surah *al-Nahl*. Memahami ruang lingkup ketiga-tiga *manhaj* ini secara berasingan secara meluas termasuk memahami kepentingan, contoh-contohnya dan pelaksanaannya adalah suatu perkara yang amat penting. Dari satu sudut yang lain, memahami ketiga-tiga *manhaj* ini secara bersepada pada suatu masa adalah perkara yang amat penting bagi mempastikan pelaksanaannya dalam dakwah dilakukan secara sempurna, komprehensif, lengkap dan tidak bercanggah dengan kehendak asal *al-Qur'ān al-Karīm* dan al-Sunnah. Kupasan-kupasan ulama muktabar dalam menjelaskan kedudukan *al-hikmah*, *al-maw'iẓah al-ḥasanah* dan *al-mujādalah bi al-ḥusnā* menjadi asas kukuh kepada kefahaman terhadap *manhaj* dakwah yang betul. Apa yang telah dikemukakan oleh mereka adalah inti pati yang sangat penting sebagai asas untuk diperluaskan lagi oleh pendakwah masa kini. Dengan meneliti contoh-

contoh yang dikemukakan ketika mengupas *manhaj-manhaj* tersebut, adalah diharapkan agar pelaksanaan yang tepat terhadap *manhaj* dakwah akan memberikan kesan yang baik dan positif kepada perkembangan dakwah. Segala pecahan-pecahan kecil membabitkan *manhaj* dakwah adalah sebenarnya tidak terkeluar daripada ruang lingkup ketiga-tiga *manhaj* tersebut, seumpama memperkembangkan aspek *al-hikmah*, dalam pemilihan topik, pendekatan, *wasilah*, alat bantu dan lain-lain. Demikianlah juga bagi *manhaj al-maw'iżah al-hasannah* dan *al-mujādalah bi al-ḥusnā* yang harus dilihat bersesuaian dengan kehendak semasa tanpa terkeluar daripada intipati yang telah dikemukakan oleh ulama muktabar. Proses memperkembangkan *manhaj* dakwah ini sangat penting dalam memenuhi tuntutan dakwah yang semakin mencabar di alaf baru ini terutamanya apabila alat-alat komunikasi moden telah berkembang terlalu pesat. Para pendakwah harus melihat di manakah ruang yang boleh digunakan bagi memanfaatkan segala perkembangan teknologi moden ini demi pengembangan dan penyebaran dakwah yang lebih berkesan.